

Jilid II  
Bil. 48



Hari Jumaat  
21hb November, 1980

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 5915]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981**

**Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 27 [Ruangan 5940]**

**Maksud B. 28 dan B. 29 [Ruangan 5985]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1981**

**Jawatankuasa (Hari Kedelapan)—**

**Maksud P. 27 [Ruangan 5940]**

**Maksud P. 28 dan P. 29 [Ruangan 5985]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut)

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABSUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kaminis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut),

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DATUK DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN MARK KODING (Kinabalu).

- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 21hb November, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG**

**1. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Perdana Menteri menyatakan adakah skim Rancangan Pemulihan Kampung anjuran Jabatan Perdana Menteri yang memberikan bahan-bahan rumah adalah berfaedah dan mempunyai kesan ekonomi kepada penduduk-penduduk miskin di kawasan pedalaman; adakah skim ini menyebabkan kesukaran dan kesulitan kepada Pegawai Petugas, Pengurus, Penyelaras, Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) dan rakyat sendiri; dan adakah Kerajaan bercadang meneruskan pelaksanaan rancangan ini dan bilangan kampung yang mendapat faedah.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, Skim Rancangan Pemulihan Kampung yang dianjurkan oleh Kerajaan telah benar-benar berfaedah dan telah memberi kesan penghidupan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk miskin di kampung-kampung yang dianggap mundur. Ini dapat dibuktikan dengan banyaknya permohonan yang diterima daripada rakyat dan juga wakil-wakil rakyat yang hendakkan Kerajaan meluaskan rancangan ini kepada kampung-kampung yang belum lagi dapat menikmati rancangan ini.

Pada tahun 1980 ini skim ini telah diluaskan lagi kepada 2 buah negeri iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Di antara faedah-faedah yang didapati oleh penghuni-penghuni rumah ialah mereka telah dapat memulih atau

memperbaiki rumah mereka dan juga mempunyai keadaan serta suasana alam sekitar yang memuaskan dan adanya kemudahan-kemudahan tandas dan air serta perparitan yang sempurna. Selain daripada itu penduduk kampung juga telah dapat menikmati kemudahan-kemudahan penyediaan infrastruktur seperti pembinaan jalan-jalan kampung yang kecil, bekalan air dan jambatan yang membolehkan penduduk-penduduk mengangkut hasil-hasil kampung untuk berhubung dengan kampung-kampung yang lain.

Saya tidak menafikan bahawa rancangan ini telah sedikit sebanyak mengalami beberapa kesukaran dan kesulitan dalam perlaksanaannya. Tetapi ini adalah kerana rancangan ini baru sahaja dimulakan iaitu pada pertengahan tahun 1979. Sekarang kesukaran dan kesulitan itu telah dapat dikurangkan kerana telah diadakan latihan, kursus-kursus serta lawatan-lawatan yang bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah spesifik yang dihadapi di dalam sesuatu negeri atau daerah. Kerajaan bercadang untuk meneruskan rancangan ini dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi kampung-kampung yang mundur. Kajian adalah dibuat dari masa ke semasa mengenai konsep, strategi dan cara pelaksanaan Skim Rancangan Pemulihan Kampung ini supaya ianya lebih berkesan lagi.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan tadi nampaknya rancangan ini sungguh berkesan dan berfaedah kepada rakyat dengan banyaknya pemohon-pemohon baru apatah lagi disokong oleh wakil-wakil rakyat. Tetapi adakah Kerajaan sedar bahawa Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) ini di kampung-kampung masih dianggap oleh rakyat sebagai Rancangan Pening Kepala kerana Kampung A diberi, Kampung B tidak

diberi. Adakah Kerajaan bercadang di akhir rancangan ini semua kampung akan dapat faedah daripada Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan awal-awal tadi kita menemui sedikit kesulitan kerana rakyat kita belum begitu memahami keadaan yang sebenarnya. Kampung-kampung di seluruh negara ini yang terlibat dalam Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) ini adalah di bawah Kategori A, B dan C. Bermakna kategori yang paling memerlukan bantuan ialah Kategori C di mana boleh dikatakan rumah-rumah tersebut lebih teruk daripada rumah-rumah di bawah kampung Kategori B.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tentu lebih faham kita tidak dapat mengadakan rancangan ini ke seluruh negara serentak. Maka dengan itu kita terpaksa menentukan keutamaan (priority). Dalam perkara ini keutamaan terpaksa diberi kepada rumah-rumah yang sangat memerlukannya dan insya Allah di masa akan datang kita akan perluaskan lagi skim ini ke rumah-rumah yang lain pula.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan khasnya Jabatan Perdana Menteri kerana menjalankan Rancangan Pemulihan Kampung ini.

Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar salah satu kesulitan yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dalam melaksanakan skim ini ialah salah satu syarat untuk mendapatkan bantuan dalam rancangan ini ialah tuan tanah hendaklah memberi kebenaran supaya rumah-rumah yang hendak diberi bantuan itu mesti mendapat persetujuan tuan tanah itu. Masalahnya, ada ramai orang-orang yang duduk menumpang di tanah orang lain dan pihak tuan tanah itu tidak bersetuju hendak menandatangani surat yang menyatakan dia bersetuju supaya pemohon tadi mendapat bantuan dari Rancangan Pemulihan Kampung ini. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi masalah kebenaran daripada tuan tanah yang berkenaan ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar salah satu daripada masalah seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi dalam soal ini perkara itu tidak dapat dielakkan kerana apabila rumah itu didirikan di atas tanah orang lain kemungkinan apabila rumah itu sudah berdiri maka orang yang mempunyai tanah boleh berhak bertindak di atas undang-undang mengeluarkan rumah itu. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah sentiasa di dalam perhatian kita dan Kerajaan berbuat sedaya upaya untuk mendapatkan kerjasama dari tuan-tuan punya tanah yang berkenaan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua,

saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada skim rancangan pemulihan kampung dapat diperluaskan kepada kampung-kampung baru (new villages) memandangkan bahawa di dalam kampung-kampung baru pun ada rumah-rumah yang buruk yang hendak diperbaiki. Jika Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan skim ini ke kampung-kampung baru, saya suka tahu apakah sebabnya.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran**

**Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi dalam melaksanakan rancangan ini, kita terpaksa menentukan keutamaan kepada mana-mana satu kampung. Sekiranya di dalam kampung baru itu terdapat juga rumah di bawah kategori C yang sangat teruk saya rasa ini boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun saya ingat Yang Berhormat sendiri tentu maklum bahawa kampung-kampung baru pada masa ini adalah di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana sedang mencari jalan bagaimana memperbaiki keadaan yang ada di kampung-kampung baru.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed**

**Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada menjadi dasar Kementerian ini untuk memberi rancangan RPK ini kepada kawasan-kawasan pendalaman dan bukan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar. Ini ialah kerana di kawasan saya sendiri saya dapati rancangan RPK ini cuma diberi kepada kawasan-kawasan yang jauh dari bandar tetapi di kawasan bandar sehingga hari ini belum dapat lagi.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berbalik kepada soal keutamaan dan keutamaan dalam kajian kita pada masa ini yang paling teruk ialah kampung-kampung di luar bandar yang mana kalau Yang Berhormat itu datang dari luar bandar mungkin dapat memahami kampung-kampung nelayan kita yang ada setengahnya hampir tumbang tetapi seperti saya katakan tadi kalau di bahagian bandar sekalipun kampung-kampung yang memerlukan bantuan ini insya Allah Kerajaan akan mempertimbangkan.

## PENERBANGAN CONCORDE

**2. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Bahagian Alam Sekitar Kementerian tersebut memiliki alat "sonic-measuring" untuk mengkaji graviti "sonic-booms" dari penerbangan Concorde. Jika ada:

- (a) berapakah harga alat tersebut;
- (b) siapakah yang membayarnya;
- (c) sekiranya Kerajaan Malaysia menjelaskan bayaran tersebut nyatakan perbelanjaan yang dialami dan sama ada pihak British akan diminta menjelaskannya.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) dan (b) Ahli Yang Berhormat, saya merujuk kepada jawapan saya dalam masa soal-jawab di Dewan Negara pada 17hb Januari, 1980.

Saya pada ketika itu menjelaskan dengan terus bahawa Kementerian saya telahpun memesankan alat kelengkapan untuk "sonic-boom measuring" bagi penerbangan Concorde melintasi ruang udara Malaysia.

Setakat ini Kementerian saya telah membelanjakan sebanyak \$92,005.00 untuk membeli alat "sonic measuring" jenis Bruel & Kjaer (B & K) dari Denmark. Alat-alat itu adalah seperti berikut :-

- (i) satu unit Microphone
- (ii) satu unit Adaptor
- (iii) satu unit Carrier System
- (iv) satu unit Event Recorder.

- (v) satu unit D.C. Recorder
- (vi) satu unit X.Y. Recorder
- (vii) satu unit Narrow Band Analyser
- (viii) satu unit Power Supply Unit.

Bagi menjawab pertanyaan (c), walaupun alat kelengkapan telah ditawarkan oleh Kerajaan British, adalah dirasakan lebih baik jika kita mendapatkan alat kelengkapan yang sesuai daripada punca bebas, di mana keputusan ujian tidak dicabar. Bagi menentukan agar alat kelengkapan tersebut digunakan mengikut kaedah yang betul bagi mendapatkan kelulusan yang tepat, seorang pegawai dari Kementerian saya telah dihantar ke Denmark untuk menjalani kursus tentang penggunaan-penggunaan alat kelengkapan tersebut.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Menurut jawapan tadi Kementerian berkenaan telah membeli alat-alat untuk measuring Concorde flights. Adakah Menteri itu sedar British Airways dan Singapore Airlines akan membatalkan Concorde flights dan bolehkah Menteri yang berkenaan memberi tahu apa guna lagi alat-alat ini kerana kita sudah membelanjakan banyak wang?

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan bersama British Airways dan Singapore Airlines telah digantung buat sementara mulai 1hb November, 1980. Alat-alat yang kita membeli itu boleh digunakan untuk kita menjalankan pengawasan terutamanya bunyi bising di lapanganterbang kita sendiri.

## RANCANGAN JIHAD PUTRA MAHKOTA FAHD, SAUDI ARABIA

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah sikap Malaysia menyertai rancangan jihad Putra Mahkota Fahd dari Saudi Arabia boleh menjejaskan keinginan pelaburan asing untuk menanam modal di Malaysia.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tiada rancangan jihad sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau

bagaimanapun, beberapa negara ahli Pertubuhan Persidangan Islam telah membangkitkan persoalan jihad sebagai tindakan kepada pengumuman Israel untuk menjadikan kota suci Jerusalem atau Baitulmuqaddis sebagai ibu negerinya. Setiausaha Agung PPI dan Secretariatnya pada masa ini sedang mengkaji beberapa option yang praktikal dan serius termasuk jihad bagi membebaskan kota suci itu. Malaysia akan menunggu laporan dari Secretariat PPI dan menganalisa keputusan daripada Pertubuhan Persidangan Islam itu sebelum merumuskan pendirian kita. Soal pelaburan asing kurang keinginan melabur tidak timbul. Harus diingat bahawa bukan Malaysia sahaja negara Islam yang menarik pelaburan asing.

### KELENGKAPAN PERTAHANAN NEGARA

**4. Puan Shariffah Dorah binti Mohamad** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan pergolakan di rantau ini khususnya dan dunia amnya, di dalam mempertahankan negara ini, sama ada kajian telah dibuat megenai kelengkapan pertahanan sama ada di laut, di darat, dan di udara dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang lebih kurang sama seperti ini ketika menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut dan Tanjong di Dewan Yang Mulia ini pada 3hb November, 1980. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

### SIJIL BERANAK DAN KAD PENGENALAN

**5. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan berbagai kesilapan catit mengenai Sijil Beranak dan Kad Pengenalan adakah pihak-pihak berkenaan dapat menyelesaikan dan menyegerakan langkah-langkah tertentu bagi membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara

sudahpun mempunyai cara untuk membetulkan kesilapan-kesilapan catitan di dalam sijil beranak dan kad pengenalan dengan segera apabila permohonan-pemohon dapat membuktikan kesilapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Kluang.

### LAPORAN KES KORUPSI

**6. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sejak tahun 1976 hingga hari ini berapakah laporan kes korupsi telah diterima oleh BSN, dan berapakah di antaranya telah disiasat serta berapakah daripadanya telah didakwa di mahkamah, sila nyatakan bilangan kakitangan Kerajaan, wakil rakyat dan politikus yang terlibat dalam kes ini, dan apakah program anti-korupsi akan dilancarkan oleh Kerajaan untuk memerangi maksiat sosial ini di semua peringkat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1976 hingga sekarang, Biro Siasatan Negara Malaysia telah menerima laporan sebanyak 1,622 kes rasuah. Semua laporan kes itu telah disiasat menghasilkan 561 orang didakwa ke mahkamah yang mana pecahannya ialah:

368 orang adalah kakitangan Kerajaan.  
6 Ahli Politik (5 Wakil Rakyat dan seorang ahli politik biasa).  
187 orang awam.

Usaha-usaha mencegah rasuah yang akan dilancarkan oleh Kerajaan untuk memerangi maksiat sosial ini di semua peringkat adalah seperti berikut:

- (1) menambah keanggotaan BSN dan memberi latihan yang secukupnya kepada mereka;
- (2) Bahagian Pencegah BSN akan diperkuatkan lagi;
- (3) mengemukakan syor-syor kepada Ketua-ketua Jabatan untuk mengatasi apa juga bentuk penyelewengan;

- (4) orang-orang awam diminta memberi kerjasama dengan lebih giat lagi kepada BSN;
- (5) menimbulkan kesedaran melalui pendidikan dan sebagainya di kalangan masyarakat tentang keburukan amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa;
- (6) menggunakan alat-alat sebaran am Kerajaan untuk memerangi gejala-gejala ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memperbaiki skim perkhidmatan pegawai-pegawai BSN supaya boleh menarik pegawai-pegawai berkelibar dan boleh mengadakan career dalam BSN dan tidak ada loyalti kepada lain-lain pejabat kalau mereka disecoded daripada Polis.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan itu ialah pada masa sekarang ini kajian sedang dibuat mengenai dengan gaji bagi kakitangan BSN.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Menurut jawapan tadi 368 kes rasuah adalah melibatkan kakitangan Kerajaan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu lebih jelas dalam 368 kakitangan Kerajaan adakah dalam itu ada polis dan adakah dalam itupun ada kakitangan BSN. Jikalau ada kakitangan BSN siapa yang siasat BSN (*Ketawa*).

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan polis, ada; mengenai dengan pegawai BSN tidak ada.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan adakah alat yang lebih sophisticated yang digunakan oleh pihak BSN untuk menyiasat dan jua membanteras rasuah.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Jenis alat siasatan dalam bahasa Inggerisnya investigatng technical aid tidaklah dapat saya beritahu kerana itu perkara rahsia, bagaimanapun sukalah saya maklumkan alat-alat ini adalah alat moden yang didapati daripada Amerika, England, Jepun dan juga dari Jerman.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut jumlah 368 orang

kakitangan Kerajaan yang telah disiasat mengenai kes rasuah. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah bilangan itu telah menjejaskan nama baik perkhidmatan awam kita atau adakah perkara ini perkara biasa di mana culprits berlaku di mana-mana bidang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan tambahan ini merupakan satu pertanyaan fikiran yakni dilarang oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**7. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (1) berapa ramai lagi pendatang haram yang masih tinggal di kemah-kemah di Pantai Timur;
- (2) adakah bilangan yang pindah ke negara ketiga lebih ramai daripada bilangan yang baru datang atau sebaliknya;
- (3) adakah benar Hanoi akan sekali lagi membenarkan orang-orang mereka keluar meninggalkan sebagaimana yang dilaporkan di Bangkok kerana kesusahannya yang dihadapi oleh mereka berkaitan dengan pemergian cara teratur pelarian-pelarian Vietnam dengan udara.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (1) jumlah pendatang haram Vietnam yang masih berada di kem-kem di pantai timur sehingga malam tadi ialah seramai 8,811 orang.
- (2) mengikut angka bulanan pendatang haram Vietnam yang dipindahkan ke negara ketiga sehingga bulan lepas adalah lebih dari angka yang mendarat.
- (3) laporan akhbar di Bangkok yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tidaklah dapat disahkan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada bulan-bulan yang terakhir ini jumlah pendatang haram yang telahpun tiba ke negara kita nampaknya kian meningkat. Jadi apakah tindakan yang telahpun diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengingatkan

Hanoi tentang pengakuannya ke seluruh dunia untuk menyekat pelarian meninggalkan negara itu dengan cara haram, sebaliknya pula menggalakkan peninggalan rakyatnya secara teratur.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, kerja itu dibuat oleh Kementerian Luar Negeri. Kami tangkap sahaja yang masuk ke dalam (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmood! Tidak ada.

(Soalan No. 8 Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmood tidak hadir)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Sibot Miyut anak Tagong.

### ELEKTRIK DI BAZAAR BELAGA

9. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada sebarang rancangan untuk membekalkan elektrik di Bazaar Belaga, jika benar, bila, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak (SESCO) sedang melaksanakan satu projek untuk membekalkan elektrik di kawasan Belaga. Sekiranya tidak ada apa-apa masalah di luar jangkaan, projek ini dijangka siap menjelang bulan Jun 1981.

### DISIPLIN DI SEKOLAH MENENGAH SARAWAK

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya sedar bahawa disiplin di setengah sekolah-sekolah menengah adalah bertambah buruk dan tidak terkawal terutamanya di Negeri Sarawak dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan disiplin dan peraturan sekolah akan dipatuhi dengan baik.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah disiplin di sekolah-sekolah menengah terutama di Sarawak, sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa keadaan disiplin di sana pada pendapat saya, tidaklah

berbeza dari keadaan di lain-lain negeri dan saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa keadaan disiplin di sekolah-sekolah di Sarawak tidaklah bertambah buruk, malahan Kementerian Pelajaran sedang berusaha memperbaiki keadaan ini.

Kementerian saya dari masa ke semasa mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas yang memberikan garispanduan kepada pihak sekolah mengenai disiplin. Di peringkat sekolah pula diadakan Lembaga Tatatertib untuk sentiasa mengawal disiplin sekolah.

Pada 15hb hingga 17hb Disember, 1980 akan datang, Kementerian Pelajaran akan menganjurkan Seminar Mengenai Disiplin Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan termasuklah Sabah dan Sarawak, di Pulau Pinang. Seminar ini bertujuan untuk mengeluarkan suatu panduan bagi guru-guru dan ibubapa bagi memastikan disiplin murid-murid sekolah dapat dibaiki. Wakil-wakil Badan U gama, Polis dan Badan Kebajikan Masyarakat berserta dengan wakil-wakil Persatuan Ibubapa Guru serta para pendidik akan dijemput hadir.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut keadaan disiplin murid-murid ini sama sahaja di Sarawak, di Semenanjung atau di negeri-negeri yang lain. Di dalam hal ini ada satu peraturan yang mengatakan hanya Guru Besar sahaja yang boleh memukul murid-murid jika ada didapati kesalahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, adakah pihak Yang Berhormat Menteri bercadang supaya meluluskan hukuman merotan ini dibenarkan kepada semua guru-guru di sekolah memukul murid-murid jika didapati ada kesalahan.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya langkah ini telahpun diambil di mana Penolong Kanan di sekolah juga diberi kuasa untuk merotan—ini memukul lain—merotan (*Ketawa*). Tetapi ada beberapa syarat yang tertentu. Saya tidak bersetuju kalau diperluaskan kuasa ini kepada tiap-tiap guru oleh sebab mengikut pengalaman masa-masa yang lepas ada kemungkinan kuasa ini barangkali kadangkala tersalah guna jadi terpaksa kita hadkan setakat ini, perkara ini telahpun diluaskan kuasa kepada guru yang lain daripada guru besar.

**Datuk Edwin anak Tangkun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana di Sarawak baharu-baharu ini; kalau kita baca dalam suratkhbar bukan sahaja murid-murid itu tidak berdisiplin bahkan guru-guru di kawasan saya sendiri kurang lebih 70% guru-guru itu mogok dan apakah tindakan diambil oleh Kementerian ini supaya tidak memburukkan nama baik sekolah rendah di kawasan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu terke-luar daripada soalan asal. Soalan asal berkenaan dengan murid-murid, bukan berkenaan dengan guru. Jadi tidak payah dijawab.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai soal kekurangan disiplin di sekolah-sekolah. Apakah bentuk jenis kurang disiplin yang pada umumnya banyak berlaku di sekolah-sekolah pada masa ini?

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sukar saya hendak menyenaraikan, tetapi dari segi bentuknya terpulanglah kepada keadaan tempatan dan terpulanglah kepada timbangrasa tiap-tiap guru dan mereka yang berkenaan dengan menentukan sama ada sesuatu kejadian di kalangan murid-murid itu boleh dianggap melanggar disiplin atau tidak. Saya tidak dapat menyenaraikan satu persatu apakah dia oleh sebab boleh dikatakan banyak dan terpulang kepada budibicara dan ketentuan guru-guru dan ibubapa yang berkenaan.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran berhubung dengan disiplin iaitu murid-murid kalau melakukan kesalahan. Setakat manakah kesalahan murid-murid tadi sehingga terpaksa dihantar ke Sekolah Budak-budak Jahat di Melaka umpamanya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, ini juga ialah satu soalan agak subjective oleh sebab sama ada pelanggaran disiplin itu dipandang berat atau tidak terpulang kepada Lembaga Tatatertib yang saya sebutkan tadi. Jarang benar setahu saya murid-murid melanggar disiplin hingga terpaksa dihantar ke Sekolah Budak-budak Jahat malahan apa juga terjadi di kalangan sekolah-sekolah sendiri adalah diperbetulkan di peringkat itu sahaja setakat yang saya tahu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, seminar yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran itu pada pandangan saya sangat baik, ini memandangkan masalah disiplin yang makin merosot, terutama di Pulau Pinang. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang langkah-langkah yang akan diambil, langkah-langkah yang lebih berkesan tentang murid-murid melanggar disiplin ini. Saya menerima pengaduan daripada guru-guru di sekolah menengah di Pulau Pinang kejadian murid-murid bergaduh antara satu kaum dengan satu kaum, ini bukan berlaku dalam masa persekolahan, tetapi berlaku di luar masa persekolahan dan ini sangat merumitkan pihak sekolah untuk mengambil tindakan iaitu selepas waktu sekolah setelah murid-murid itu balik. Jadi ini boleh mengakibatkan perasaan perkauman. Jadi, apakah tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh pihak Kementerian dalam menghadapi masalah berlakunya kejadian di luar masa sekolah.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar atas kedudukan yang agak istimewa disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Pulau Pinang. Maka oleh sebab itulah saya telah memutuskan seminar itu diadakan di Pulau Pinang setelah saya diberi taklimat atas keadaan di Pulau Pinang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dari segi langkah-langkah yang tegas oleh sebab kejadian-kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang telah dilaporkan dan di luar kuatkuasa pihak sekolah oleh sebab ianya terjadi di luar daripada waktu sekolah, maka sebab itulah di dalam seminar yang akan diadakan itu hendak melibatkan badan-badan lain seperti polis, kebajikan masyarakat, pegawai-pegawai daerah, ketua-ketua masyarakat dan sebagainya oleh sebab soal disiplin harus diperhatikan dan ditelitikan dari segi keseluruhannya dan tidak boleh dipetak-petakkan, misalnya, tanggungjawab pentadbiran sekolah sahaja—berhubung dengan disiplin sekolah, kalau jadi di luar apa jadi. Itulah sebab hendak diadakan seminar ini supaya dapat diwujudkan satu strategi yang melibatkan segala lapisan masyarakat, itu sahaja saya dapat jawab sedikit dari segi tindakan sungguhpun apa juga yang dipastikan dalam seminar itu, insya Allah, akan dapat digunakan sebagai pertunjuk kepada kita.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi satu. Dari-pada jawapan bapak Menteri tadi nampaknya satu perubahan telah berlaku, saya ucapkan syabas kepada bapak Menteri kerana boleh memukul kanak-kanak yang tidak ada disiplin ini bukan Guru Besar sahaja malah Senior Assistant juga diberi kuasa memukul murid-murid yang nakal yang tidak berdisiplin dengan syarat-syarat tertentu dibenarkan. Jadi bolehkah kita tahu sedikit apakah syarat-syarat tertentu itu kerana sungguhpun syarat diberi budak-budak masih tidak berdisiplin lagi, mungkin syarat-syarat itu kena strict sedikit barangkali.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingatkan iaitu bukan dibenarkan memukul—rotan. Itulah satu daripada syarat iaitu digunakan rotan dan ada beberapa peraturan yang tertentu dari segi di mana hendak dipukul dan yang penting sekali ialah dari segi perlu diadakan seorang pemerhati (witness) untuk menentukan bahawa guru tidak menyalahguna kuasa yang diberikan kepadanya. Saya sukalah mengaku kepada Ahli Yang Berhormat iaitu rotan bukanlah satu tindakan yang akan mengatasi soal disiplin, berbagai-bagai soal lagi yang harus diambil kira iaitu dari segi saikologi budak-budak, ada kadangkala tidak perlu dirotan tetapi dia kena cakap, ada kadangkala bermacam-macam masalah yang ada hubungan dengan kedudukan dan cara pemikiran dan cara gerak-geri seorang kanak-kanak di sekolah itu. Jadi saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu dengan cara diberi kuasa merotan tidak akan mengatasi soal disiplin yang dihadapi di sekolah.

## JAMBATAN PULAU PINANG

**11. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlahnya wang yang dianggarkan dan dibelanjakan untuk Jambatan Pulau Pinang, dan apakah pertukaran struktur dan penempatan projek ini dan nyatakan bilangan kontrak yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan luar negeri dan bila ianya akan diselesaikan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Anggaran kos projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang ialah \$400 juta;

(b) Jumlah wang yang telah dibelanjakan dari permulaan projek ini sehingga 31-9-1980 adalah sebanyak \$11,728,077.12.

(c) Tiada sebarang pertukaran struktur yang besar dijalankan. Penempatan projek ini di Tanah Besar iaitu dari Batu 4½ Jalan Butterworth-Ipoh di Jalan Persekutuan I ke pantai melalui kawasan perindustrian Perai tidak berubah. Penempatan projek di Pulau Pinang telah dipindah dari Selatan Jalan Udini ke Batu Uban.

(d) Projek Jambatan Pulau Pinang adalah dibahagikan menjadi lapan kontrak package untuk tujuan pembinaan seperti berikut:

Package 1: Reclamation Works For Penang Island Interchange.

Package 2: Prai Reclamation Works.

Package 3: Middle Bank Bridge and Penang Island Interchange.

Package 4: Prai Shore Approach.

Package 5: South Channel Bridge.

Package 6: Mainland Approaches and Bridge Structures (including interchange).

Package 7: Toll Plaza Complex.

Package 8: Lighting and Ancillary Works.

Kontrak Package 1 dan 2 telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Kontrak Package 3, 4 dan 5 yang meliputi pembinaan jambatan di Selat akan ditawarkan kepada perkongsian (joint-venture) antara kontraktor-kontraktor luar negeri dan kontraktor-kontraktor tempatan. Kementerian ini telahpun mengadakan kajian-kajian prakelayakan ke atas 54 syarikat kontraktor antarabangsa dan tempatan yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam tawaran bagi ketiga-tiga package ini. Daripada jumlah itu, 43 syarikat didapati layak untuk mengambil bahagian dan tawaran telahpun dipanggil pada 22-10-1980. Tawaran akan

ditutup pada 24-2-1981. Kontrak Package 6, 7 dan 8 akan ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

(e) Projek ini dijadualkan akan disiapkan pada akhir tahun 1984.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab projek Jambatan Pua Pinang ini mengambil masa bertahun-tahun masih belum disiapkan dan setiap kali pilihanraya ianya dijadikan satu isu yang sangat hangat. Jika begini adakah jambatan ini akan dinamakan jambatan pilihanraya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini tak ada kena-mengena dengan pilihanraya.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum hari ini perkhidmatan feri daripada Semenanjung ke Pulau Pinang ada. Jadi bagaimana nanti kedudukan feri apabila wang \$11 juta lebih diuntukkan buat jambatan ini.

Kedua, adakah di dalam peruntukan \$11 juta ini termasuk sekali hendak buat jalan keretapi hendak pergi ke Pulau Pinang.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan feri yang ada di Pulau Pinang sekarang ini masih berjalan.

Soalan kedua, jambatan yang kita sedang bina ini akan digunakan untuk lalulintas kereta sahaja dan pada mulanya kita mengadakan 4 laluan (4 lanes) dan akan diperbesarkan kelak kepada 6 apabila masanya tiba nanti.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat tahu sekarang pembinaan jambatan ini sedang dijalankan, iaitu kerja memulihgunakan tanah (reclamation works) sedang dijalankan. Masalahnya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa oleh sebab kerja-kerja memulihgunakan tanah ini sedang berjalan dan timbunan tanah dibuat di tepi pantai, ini melibatkan penghidupan nelayan-nelayan di kawasan yang tersebut lebih kurang 15 buah rumah nelayan-nelayan terlibat dengan kerja-kerja pemuliharaan tanah ini. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang terlibat ini.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar maklumat yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya akan periksa dan mungkin dalam sedikit masa saya sendiri akan melawat ke tempat itu.

## PENGINTIP ASING DI SABAH

**12. Tuan Haji Ampong bin Puyon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah berjaya mengesan pengintip-pengintip asing yang dikatakan bergerak di Sabah;
- (b) jika telah dikesan apakah telah dibuat sebarang tangkapan atau penyiasatan mereka yang terlibat; dan
- (c) bagaimanakah keadaan negeri Sabah sekarang, apakah ianya terkawal sepenuhnya dari serangan lanun sebagaimana yang terjadi baru-baru ini; dan
- (d) apakah kejadian rompakan atau lanun itu atas dorongan pihak lain ataupun memang penjenayah.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, jawapan bagi (a) dan (b) tidak dapat diberi mengikut Peraturan 23 (1) (f), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat kerana ianya perkara rahsia untuk menjaga kepentingan keselamatan negara.

- (c) Keadaan keselamatan perairan Sabah pada masa ini adalah terkawal.
- (d) Mereka adalah terdiri daripada penjenayah-penjenayah.

## LAPANGAN TERBANG LIMBANG

**13. Tuan Racha Umong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan telah menjalankan kajian kemungkinan dari tempat ke tempat dengan tujuan untuk mendirikan lebih banyak lagi lapangan terbang di seluruh negara untuk kemudahan rakyat terutamanya rakyat di kawasan terpencil misalnya kawasan Bukit Mas di Limbang, Sarawak; sama ada kajian kemungkinan ke atas kawasan tersebut telah selesai dan jika ya, bilakah pembinaan akan bermula oleh kerana projek ini telah terlalu lama dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, sebuah firma perunding telahpun dilantik untuk membuat kajian menyediakan satu rancangan Lapanganterbang Kebangsaan (National Airport Plan) untuk tempoh 20 tahun yang akan datang ini. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kemungkinan memperbaiki serta meninggikan taraf mana-mana lapanganterbang dalam negeri yang sesuai dan juga membuat perakuan sama ada pembinaan lapanganterbang-lapanganterbang baru diperlukan juga. Apabila siap kelak, kajian ini akan dijadikan sebagai panduan untuk projek pembangunan lapanganterbang bagi seluruh negara ini, dan kerja pembinaan dan peningkatan taraf bagi lapanganterbang-lapanganterbang di bawah rancangan ini akan diuruskan secara berperingkat-peringkat.

Mengenai lapanganterbang di Limbang, usaha memajukannya sedang diselenggarakan di bawah satu kajian yang berasingan. Firma Juruperunding yang dilantik bagi projek ini telahpun menyiapkan kajian pelan induknya dan juga reka bentuk awal bagi sebuah lapanganterbang Limbang yang baru. Pada masa ini Kerajaan sedang menimbangkan kajian yang dikemukakan oleh pihak Juruperunding.

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah lapanganterbang yang baru iaitu di kawasan yang baru untuk membolehkan pendaratan dan kegunaan perkhidmatan pesawat F-27. Ini termasuk pembinaan landasan dan bangunan terminal yang baru dan juga kemudahan-kemudahan yang berkaitan.

Selepas kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada tahun 1981 dan projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 1984.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam rancangan yang akan disediakan oleh pihak Juruperunding untuk lapanganterbang kita ini saya ingin tahu sama ada rancangan untuk mengadakan satu lagi lapanganterbang bertaraf antarabangsa selain daripada apa yang ada di Subang sekarang ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pun telah merancang mengadakan

satu lapanganterbang antarabangsa yang baru di Kota Bharu.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak lagi lapanganterbang akan dibuat. Saya ingin tahu apa hal berkenaan dengan lapanganterbang yang sedia ada seperti di Senai, Johor Bahru. Bilakah Senai ini dapat dinaikkan tarafnya sehingga sampai ke peringkat antarabangsa.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, sains dan kemudahan-kemudahan yang berada di Senai pada masa ini dianggap mencukupi untuk demand pada masa ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kangar pun hendak lapanganterbang juga? (*Ketawa*).

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu berkenaan dengan lapanganterbang di Alor Setar, saya dengar orang-orang mengatakan Kementerian berkenaan bercadang akan mengadakan penerbangan ekonomi sebagaimana yang ada di Kelantan dan di lain-lain tempat di Alor Setar, adakah rancangan itu akan diadakan.

Kedua, tidakkah Kementerian bercadang mengubahsuaikan masa datang ke Kuala Lumpur macam sekarang. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya minta menjelaskan sedikit. Pada masa sekarang keadaan masa datang ke Kuala Lumpur tidak begitu sesuai, khasnya kepada orang-orang yang ada di Kedah dan Perlis, jadi bila dia sampai ke sini masa pejabat hendak tutup. Jadi secara tak langsung apa yang diatur oleh Kementerian Pengangkutan bersesuaian orang Kuala Lumpur sahaja yang hendak pergi ke utara. Adakah dicadang akan menyesuaikan ataupun akan ditambah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu di luar daripada soalan asal ini. Soalan yang pertama itu bolehlah dijawab.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lapanganterbang di Alor Setar, izinkan saya terangkan bahawa keperluannya sedang dikaji dan perkhidmatan

MAS ke Alor Setar sekarang diubahsuaikan dan satu jadual yang baru akan berjalan pada bulan April tahun depan.

#### **GURU-GURU SEMENTARA— LATIHAN**

**14. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru sementara akan diberi latihan dalam perkhidmatan atau latihan penuh, jika benar, nyatakan langkah-langkah yang diambil guna membolehkan mereka memohon jawatan tersebut dan sama ada setelah selesai menjalani latihan mereka akan diserapkan ke perkhidmatan tetap, jika tidak, mengapa.

**Dato' Musa bin Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan memberi latihan kepada guru-guru sementara secara besar-besaran telahpun diberhentikan selepas pengambilan kumpulan terakhir yang terdiri dari mereka yang mula berkhidmat pada atau sebelum 1-2-1977. Ini selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Pelajaran dahulu bahawa rancangan latihan itu ialah merupakan rancangan khas dan terakhir di mana selepas itu pengambilan guru-guru akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan biasa.

Latihan bagi kumpulan terakhir ini yang bermula pada April, 1979 akan selesai pada bulan Disember, 1981. Guru sementara yang lain sama ada mereka yang dilantik selepas daripada 1-2-77 (iaitu yang kurang daripada dua tahun pengalaman mengajar pada 1-2-79) atau mereka yang diambil berkhidmat sebelum 1-2-77 (tetapi tidak mempunyai kelayakan yang disyaratkan) tidak akan diberi lagi latihan dalam masa cuti. Sekiranya antara yang masih bertugas selepas 1-2-79 ada yang mempunyai kelayakan, maka mereka bolehlah memohon seperti calon calon lain untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi mengikuti latihan sepenuh masa di maktab-maktab perguruan di negara kita ini. Dengan demikian semua calon yang layak dilantik mengisi mana-mana keperluan untuk menjadi guru sementara mestilah sekurang-kurangnya mempunyai syarat-syarat minima yang melayakkan mereka untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran masuk ke maktab.

Sayugia diingat bahawa guru-guru sementara yang telah dan sedang menjalani latihan dalam cuti hendaklah memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk lantikan ke jawatan tetap setelah mereka tamat berkursus dengan syarat pula mereka itu mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Untuk makluman Yang Berhormat kuasa melantik sebarang calon ke jawatan tetap dalam Perkhidmatan pelajaran adalah hak mutlak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, dan bukannya Kementerian Pelajaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Tuan Yang di-Pertua soalan ke 15.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

#### **PEKERJA KILANG—KAHWIN CAMPURAN**

**15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil terhadap kahwin campuran di kalangan pekerja-pekerja kilang.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab bagi pekerja-pekerja kilang dan tanggungjawab urusan pernikahan mereka tidaklah termasuk di dalam bidang tugas Kementerian Kebajikan Am. Walaupun demikian sekiranya ada individu yang mengalami masalah perkahwinan datang meminta pertolongan Kementerian Kebajikan Am sentiasa sedia memberi counselling dan seterusnya merujuk kes-kes itu kepada agensi-agensi yang berkaitan. Ini termasuk juga gadis-gadis kilang yang dikatakan terlibat dalam perkahwinan campuran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-16.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

### OPERASI ISI PENUH

**16. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan orang yang telah diambil untuk mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam di bawah Gerakan Isi Penuh setakat ini dengan memberi angka-angka pecahan kaum, dan berapa banyak kekosongan akan diisikan lagi di bawah Gerakan Isi Penuh.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada kekosongan jawatan awam Persekutuan telah dapat diisi melalui pengambilan di bawah Operasi Isi Penuh. Sebanyak 43,329 tawaran telah dibuat bagi semua kumpulan semenjak bulan Mei, 1979 hingga awal bulan November, 1980, ini tidak termasuk jawatan polis beruniform.

Mengenai pecahan calon-calon mengikut kaum, saya sukalah menegaskan sekali lagi bahawa pemilihan calon-calon adalah berdasarkan kelulusan, kelayakan dan kesesuaian calon sendiri. Prinsip tersebut yang diamalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertahun-tahun sejak Suruhanjaya itu ditubuhkan adalah diikuti dalam pelaksanaan Operasi Isi Penuh ini.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, Operasi Isi Penuh dikendalikan oleh tiga pihak iaitu:

- (1) Jabatan Perkhidmatan Awam yang menyelaras, mengawal dan mengawasi segala usaha-usaha pengambilan.
- (2) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mengendali urusan pengambilan dalam kumpulan A dan B.
- (3) Ketua-ketua Jabatan atau Kementerian yang mengendali urusan pengambilan jawatan-jawatan dalam kumpulan C, D dan IMG.

Jabatan Perkhidmatan Awam tidak ada menyimpan rekod pecahan mengikut kaum seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Pada masa sekarang ini Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menyelaraskan mengenai kedudukan kekosongan jawatan-jawatan awam dengan Jabatan-jabatan Persekutuan dengan mengambil kira kekosongan-kekosongan yang berlaku akibat daripada pengwujudan jawatan-jawatan baru, persaraan, perletakan jawatan serta juga jawatan-jawatan baru yang akan diwujudkan pada 1hb Januari, 1981 iaitu menjelang tarikh perancangan Rancangan Malaysia Keempat. Oleh yang demikian, bilangan kekosongan pada masa kini tidaklah dapat diberikan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan sistem pengambilan di bawah Operasi Isi Penuh dilanjutkan sehingga Kerajaan menghadapi Rancangan Malaysia Keempat. Sementara itu, sistem pengambilan akan dipermodenkan dengan menggunakan komputer. Untuk tujuan ini tindakan sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Unit Pemoden Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau berpuas hati dengan kelicinan pengambilan kakitangan Kerajaan di bawah Operasi Isi Penuh yang dijalankan oleh tiga pihak yang berkenaan itu tadi dan kalau beliau berpuas hati dengan sistem yang dijalankan seperti ini, apakah sistem ini akan dijadikan suatu sistem yang kekal dan melewati sehingga lepas daripada Rancangan Malaysia Keempat.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, soal puas hati atau tidak puas hati itu bergantung kepada masa dan keadaan. Kita pada masa dahulu adalah bertujuan untuk memenuhi jawatan yang lebih kurang berjumlah 40,000 dan kekosongan itu telahpun dipenuhi. Ini bermakna dari segi Operasi Isi Penuh ini kita memanglah berpuas hati kerana kita telah mencapai matlamat yang kita tuju.

Seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan memanglah sentiasa mengkaji sistem pengambilan kakitangan Kerajaan ini dari masa ke semasa dan ini akan dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam supaya memastikan bahawa pengambilan kakitangan Kerajaan di masa depan akan lebih sesuai

lagi dan lebih cepat lagi kerana seperti mana Ahli Yang Berhormat sendiri tentu sedia maklum dari masa ke semasa kita akan membangun dengan begitu cepat maka itu juga kita akan memerlukan kakitangan yang begitu banyak dan dalam hal ini perlulah Kerajaan mengkaji atau mencari jalan untuk memperkemaskan lagi atau melicinkan lagi pengambilan kakitangan Kerajaan. Inilah juga sebabnya maka pada masa ini kita sedang mengkaji kemungkinan untuk menggunakan komputer untuk mempercepatkan proses pengambilan kakitangan Kerajaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selesai!

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 adalah diberi di bawah ini)*

### KOMPLEK GERAKTANI

**8. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini berapa banyakkah Komplek GERAKTANI telah diwujudkan di Malaysia. Nyatakan apakah kejayaan-kejayaan telah dicapai oleh Komplek GERAKTANI setakat ini.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Untuk makluman Yang Berhormat soalan ini telahpun dijawab oleh Menteri Pertanian di sidang dewan yang mulia ini pada 18hb November, 1980. Dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

**DAN**

**USUL**

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kelapan).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

*Perbahasan disambung semula*

*Maksud B. 27 (Jadual)—*

*Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1981)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang sedang menimbang-kan Anggaran Perbelanjaan Perbekalan dan Pembangunan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab jam 5.00 petang atau lebih awal daripada itu sekiranya tiada Ahli Yang Berhormat hendak bercakap dan tiap-tiap seorang saya hadkan bercakap selama tidak lebih daripada 15 minit.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar menyambung ucapan yang baru dimulakan pada petang semalam.

*3.30 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, menyambung apa yang saya bercakap pada petang semalam di sini kita sama-sama maklum selalu barang yang telah menjadi kawalan tetapi tidak cukup seperti gula minyak tanah dan diesel.

Tuan Pengerusi, yang menyedihkan saya bila kita dapat tahu daripada pihak Kementerian mengatakan segala bekalan itu cukup, misalnya, baru-baru ini pihak Kementerian mengatakan gulanya cukup dan bila kita datang ke kampung, kita dapat tahu penduduk-penduduk kampung ataupun rakyat kebanyakan tak dapat gula. Jadi bagi pendapat saya sendiri bila saya selidik kedua-duanya ialah betul semua. Yang dikatakan oleh Kerajaan gula cukup pun betul, yang dikatakan oleh pengguna gula tak ada pun betul, sebab saya katakan begini setahu saya yang dihadkan oleh Kerajaan cukupnya gula itu ialah untuk keperluan negara, misalnya kalau dihantar ke Perlis cukup untuk rakyat Perlis, di hantar ke Kedah demikian juga dan ke Perak pun demikian. Ini agak saya tetapi yang tidak mencukupi ini kita sama-sama tahu kerana gula dalam kebanyakan negara hari ini tak cukup gula dan kita tahu mengikut harga gula di Malaysia walaupun mahal daripada harga yang awal tetapi lebih murah daripada gula di negara-negara asing baikpun yang berjiran dengan kita. Dengan sebab itulah gula dan apa barang sekalipun menjadi sebab yang saya katakan tadi telah keluar daripada negara kita sendiri dengan

sebab itulah menjadi gula itu tak cukup. Kalau untuk negara kita sendiri sahaja walaupun tak mencukupi memuaskan kehendak manusia tetapi saya fikir tak berlaku macam berlaku hari ini. Saya tak mahulah hendak kata lebih saya tahu di negeri saya sendiri yang berjiran dan saya percaya negeri-negeri lain juga seperti Kelantan sebahagian daripada Kedah, juga Perak yang berjiran itu menjadikan perkara gula tak cukup kerana di bekalkan itu cukup tetapi dia pergi ke tempat yang tidak berkenaan. Dengan sebab itu buat jangka pendek selain daripada jangka panjang, saya bercadang kalaulah keadaan ini berlaku juga kalau minyak tanah, minyak disel ataupun gula seperti baru-baru ini berlaku Kerajaan hendaklah membuat catuan sebagaimana saya masih ingat di masa kecil-kecil dahulu diadakan kopon dihadkan kepada satu-satu keluarga boleh mendapat sekian gula yang patut dia dapat. Jadi tidaklah macam hari ini, hari ini ada setengah orang terlampau dapat banyak gula kerana itulah dia boleh jual ke tempat lain tetapi kalau dihadkan setakat yang berpatutan, tentulah benda itu tak berlaku kerana dia takkan beli kalau benda yang dia boleh beli terhad. Dia tak payah pergi berlawan untuk mengambil gula dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, yang sedihnya baru-baru ini di tempat saya gula telah menjadi sehingga harga sekati \$1.75 sen bukanlah dinaikkan oleh pihak gula tetapi misalnya seorang akan membeli gula sekati dia terpaksa mengupah orang pula untuk pergi membeli berlawan hendak ambil tempat hendak beli gula, dengan harga seringggit. Jadi si hamba, Allah dia beli gula dua kati, terpaksa keluar dengan harga \$3.50 untuk dua kati gula. Jadi seperti saya katakan tadi harga upah sekati \$1.00 harga gula sekati 75 sen. Jadi dengan sebab itu saya menca-dangkan dibuat catuan kopon sebagaimana dibuat dimasa yang lalu kalau keadaan perlu gula baik apa bahan dibuat cara itu.

Dan satu lagi, Tuan Pengerusi, dengan jalan itu juga saya berpendapat kalau boleh catuan itu bukan penguatkuasa sahaja mengambil alih bahkan pekedai itu sendiri menjalankan. Setahu saya ditempat saya sendiri kebanyakan kedai-kedai kekal menja-lankan catuan walaupun tak diarahkan oleh Kerajaan kerana mereka sendiri akan buat catuan tetapi malangnya bekalan mereka dapat sedikit. Bagilah kepada kedai-kedai

untuk membuat catuan orang yang boleh membeli gula sahaja boleh ambil. Itu satu cara.

Yang kedua, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan yang saya dapat tahu daripada TV, akhbar dan sebagainya pihak penguatkuasa menangkap dan merampas beberapa orang pemborong yang menyele-weng di atas apa yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini saya harap moga-moga dengan jalan ini apa keperluan yang selalu berlaku kalau dicatu macam itu saya yakin keperluan negara kita akan cukup. Kerana pihak pem-beli dia takkan beli banyak kerana dia terhad setakat ini yang salah penjual, yang beli tidak salah. Jadi biarlah yang belipun salah, bukan hak kamu, kamu tak boleh beli, itu salah. Yang jual pun, macam saya kata tadi, catuan gula perlu dibuat.

Yang kedua, saya sokong apa yang disyor-kan oleh kawan saya daripada Malang petang semalam diadakan Lembaga Gula Negara (LGN) dan saya harap patut dibuat macam Lembaga Tembakau, tengok tempat-tempat yang bersesuaian tetapi tempat yang tak sesuai tak payah dibuatlah, yang patut di tanam tebu, kemudian pihak kilang gula membeli tebu-tebu itu dan sebelum dibeli dibagi kemudahan, dibagi pelannya dahulu macam mana kita kata kilang tembakau, bagi kepada pihak penanam tembakau melalui pengawit dan sebagainya yang dian-jurkan tempat-tempat yang sesuai, kerana saya dapat tahu tanaman tebu kalau hendak dibandingkan dengan tanaman lain penda-patannya lebih baik daripada padi dan sebagainya. Jadi kalaulah diuruskan benda ini dapat berjalan dengan licin apatalah lagi tempat-tempat yang sesuai macam saya contohkan negeri saya, walaupun kecil sangat-lah sesuai dengan tanaman tebu. Jadi lain yang diambil oleh Kerajaan atas tempat lain, kalau ini dijalankan oleh pihak Lembaga ini dapatlah dijalankan dengan baik lagi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka bercakap dari segi pengguna. Yang menyedihkan kita dua perkara berkenaan pengguna. Satu pihak pengguna sendiri iaitu yang akan membeli barang tidak dapat ketahui mengatakan ada satu persatuan pengguna. Dengan sebab itu, saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan lipatganda sebaran kepada pengguna-peng-guna kalau boleh tubuhlah tiap-tiap satu

kawasan atau satu mukim satu jawatankuasa pengguna untuk beri penerangan. Setakat hari ini kita tahu kalau ada macam persatuan pengguna di Kuala Lumpur dan sebagainya yang kita dengan kerap kali dalam akhbar itu atau TV misalnya satu Menteri seru kepada pengguna: boikot kedai-kedai, jangan dibeli tetapi pihak orang kampung tak tahu benda itu.

Yang kedua, pihak penguatkuasa dan pengguna ini saya kaitkan sekali tentang harga-harga barang. Saya amat sedih Kerajaan kita mengawal harga barang dan sebagainya tetapi dia tidak meneliti kualiti ataupun taraf barang itu, misalnya satu-satu barang asalkan ditulis berapa harga pun tak menjadi halangan. Misalnya harga barang tiruan sepatut dia jual \$3.00 ataupun \$3.50 tetapi ditulis \$7.00 pihak yang berkenaan tak salah, sebab ada tulis. Jadi kalau hamba Allah itu segan hendak tawar, dia akan terkena dengan sendirinya. Saya berharap setiap tanda harga yang dibubuh oleh pihak pekedai hendaklah penguatkuasa menyelidik, adakah berseesuaian dengan faktori yang dikeluarkan dengan harga yang patut jangan asalkan ada tanda harga—okay, tak apa. Biarlah lipat empat kali ganda, ini kerap kali terkena kepada setengah orang, kerana dia segan hendak bertanya, kadang-kadang mereka datang daripada kampung, ada pula tuan tak kenal, ini tanda harga, terkenal hamba Allah itu. Kadang-kadang segi pandangan cantik tetapi kualiti barang yang tak baik itu saya berharap hendaklah ada tandaharga, tandalah mengikut kesesuaian dengan barang itu, jangan semata-mata hendak tanda pada harga sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada penguatkuasa yang saya dapat tahu hari ini pun khasnya di Perlis telah memberi kerjasama yang banyak kepada pengguna-pengguna khasnya macam gula. Di negeri saya sendiri selalu saya berhubung dengan pegawai penguatkuasa tetapi saya dapati pegawai itu tak cukup. Orang itu hendak keluarkan lesen, orang itu hendak jalankan tangkapan dan sebagainya. Saya percaya sepenuhnya penguatkuasaan ini patutlah ditambahkan lagi pegawai-pegawainya kerana manusia dia akan bekerja cari untung, kalau selalu kena tangkap, selalu kena rampas, dia tak buat. Ini saya harap sangat-sangat ditambah pegawai-pegawainya supaya diselidik selalu perkara-perkara yang menyeleweng

di atas apa yang diberikan kebenaran lesen dan sebagainya oleh Kerajaan. Dan saya berharap sangat-sangat biarlah kalau kedai kecil sekalipun yang mereka itu dapat lesen secara runcit khasnya gula dan sebagainya, hendaklah mendapat kelulusan dengan seberapa segera yang boleh. Jadi saya berharap sangat-sangat mendapat perhatian daripada Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, bercakap di dalam segi kemajuan industri, saya berharap kalau boleh perindustrian janganlah sangat kita tumpu kepada Kuala Lumpur, betul saya tahu di sini barangkali kemudahan asasnya banyak, begitu juga dekat Pelabuhan Kelang kalau di sebelah utara dekat dengan Pelabuhan Pulau Pinang, Mak Mandin dan sebagainya. Saya berharap banyakkannya di negeri-negeri yang kurang maju, barangkali percaya di masa yang lampau, kerana kita kekurangan bahan-bahan, hari ini boleh dikatakan bahan-bahan dari luar bandar terlampau banyak barang kemudahan asas seperti letrik dan sebagainya. Hari ini kita dapat tahu boleh dikatakan macam di Perlis sendiri 80% negeri Perlis sudah ada letrik, jadi pendek kata kalau dibuat di mana kilang pun kemudahan letrik itu tidak begitu masalah. Dan dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian berkenaan walaupun kita tahu kadang-kadang jalanraya payah, perhubungan payah sebab itulah pihak kerajaan negeri Perlis sendiri cuba minta mengadakan pelabuhan yang lebih besar bagi Kuala Perlis supaya mudah dihantar barang-barang dagangan yang dibuat. Jadi saya harap segala perindustrian itu kalau boleh menjadi satu syarat keistimewaan diutamakan kepada negeri-negeri, katakan Perlis dan sebagainya. Setakat hari ini Perlis ia ada dua kilang termasuk dengan kilang keropok pun sudah beransur tak baik kerana udang tidak begitu ada. Jadi yang maju sedikit di sana kilang simen dan kilang Gula Perlis. Saya berharap supaya benda ini diutamakan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, apabila saya bercakap berkenaan dengan kilang gula di manapun, Perlis saya yakin bulan dua belas ini akan datang gula tak begitu masalah kerana Gula Perlis akan mengeluarkan gula tetapi Gula Perlis dan saya tak tahulah kilang gula yang lain dia ada masanya 6 bulan sekali dapat mengilang, 6 bulan sekali tak dapat kerana tebu yang datang belum dibesarkan lagi. Jadi masanya tebu yang tak ada macam

sekarang daripada bulan 11 hingga 7, 8 tak dapat mengilang gula, kerana tebu tak boleh dipotong lagi pun pihak kilang boleh jadi memperbaiki kilang-kilang tempat yang mana patut daripada duduk sahaja.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, patutlah diberi kebenaran kepada kilang-kilang gula seperti Kilang Gula Perlis. Misalnya, diimport bahan-bahan gula mentah untuk diproses, jangan semata-mata dituju atau dibolehkan kepada Kilang Gula Prai sahaja. Saya berharap supaya mendapat perhatian kerana Kilang Gula Perlis (CIMA) telah membuat berbagai-bagai usaha dengan mengeluarkan modal berpuluh-puluh juta ringgit untuk menanam tebu dan sebagainya dan untuk memproses gula mentah, seterusnya mengeluarkan gula. Apakah ini tidak diberi satu keistimewaan? Sebagai satu bukti yang telah ditunjukkan oleh CIMA Perlis, adakah mereka ini diberi bahan untuk memproses sendiri atau tidak diberi bahan-bahan dari luar. Sebagaimana saya katakan tadi kita telah mengimport gula mentah daripada luar negeri untuk diproses di Kilang Gula Perlis, jadi saya harap ini mendapat perhatian.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap pada industri-industri yang telah didirikan sama ada dalam bandar atau di luar bandar. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana dengan adanya kilang-kilang yang tumbuh begitu banyak baik di luar atau di dalam bandar, tetapi apabila kita kaji di atas pekerja-pekerja, kita yakin pekerja-pekerjanya banyak terdiri daripada bumiputra, tetapi yang menyedihkan bilangan bumiputra itu banyak yang bekerja tetapi kedudukannya hanya sebagai buruh-buruh, kebanyakannya buruh-buruh kasar, inilah yang dimonopoli oleh bumiputra, bukan hendak monopoli, tetapi itulah hak mereka yang boleh bekerja sebagai buruh kasar. Yang menyedihkan lagi, ada daripada kilang-kilang gula dan kilang-kilang lain juga yang sepatutnya bumiputra dapat duduk sebagai pekerja mahir dan sebagainya.

Saya amat dukacita dan sedih, Tuan Pengerusi, ada pihak-pihak yang bertanggungjawab yang hampir dengan kilang-kilang yang saya sebutkan tadi mengatakan ada anak bumiputra juga yang dapat satu jawatan ataupun satu kebolehan, tetapi malangnya bila hendak diambil temuduga dan sebagainya diberi kepada yang bukan bumiputra.

Kalaulah pekerja mahir yang saya katakan bumiputra tidak boleh buat, tidak cukup syarat, itu tidak sedih kerana kita tidak hendak bekerja benda yang bukan kemahuan kita, kita tidak hendak bekerja berkenaan dengan benda yang kita tidak boleh buat. Tetapi ada kilang-kilang yang kedudukannya sama, kelulusannya sama, bila ditemuduga jawatan pekerja mahir ini keutamaan diberi kepada yang bukan bumiputra, yang diutamakan kepada bumiputra ini, Tuan Pengerusi, tidak lain dan tidak bukan ialah pekerja-pekerja buruh kasar dan sebagainya.

Saya berharap, Tuan Pengerusi, di atas apa yang saya seru, di atas apa yang saya syorkan ini supaya mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada Kerajaan, janganlah kata orang negara kita sendiri dirikan kilang dan sebagainya, sedangkan pekerja-pekerja bumiputra yang sebahagian besar penduduknya hanya menjadi buruh kasar dan sebagainya.

Sebagaimana yang saya katakan tadi setengah daripada tempat yang kita tidak ada kemampuan, kita tidak ada kebolehan saya tidak sedih, tetapi yang sedih di tempat-tempat yang kita ada kebolehan, kita ada kemampuan tetapi tidak dibenarkan untuk menjalankan demikian.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya dapat tahu hari ini ramai orang daripada negeri Thai telah berhijrah ke Pulau Pinang kerana membeli barang-barang yang dikecualikan cukai iaitu di kawasan perdagangan bebas yang tidak dikenakan cukai. Saya sudah beberapa kali mengesyorkan di dalam Dewan yang mulia ini, memandangkan keadaan Padang Besar yang berhampiran dengan Sempadan yang pada satu ketika boleh dikatakan ramai orang datang membeli-belah di Pekan Padang Besar dan sebagainya. Jadi saya berharap sangat supaya kawasan Padang Besar dijadikan sebagai satu daripada kawasan perdagangan bebas yang saya percaya sebagai sebuah negeri Perlis juga ingin membuat kemajuan seperti negeri-negeri lain. Kalaulah ada satu kawasan yang seperti ini, ramai orang datang dapatlah banyak sedikit hasil kepada negeri yang mundur itu dan akan bertambah maju sedikit dengan adanya rancangan yang saya katakan tadi. Perkara ini telah disyorkan berkali-kali, jadi saya berharap supaya mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Saya syorkan, kalaulah ada perjumpaan misalnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah merasmikan Dewan Perdagangan Melayu Cawangan Perlis. Dua perkara yang telah disyorkan oleh orang-orang yang memikir di segi perdagangan dan perniagaan ialah; satu sepertimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang kelmarin patut diadakan Lembaga Gula, yang satu lagi patut diadakan satu kawasan perdagangan bebas. . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah diminta.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.46 *ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Maksud B. 27, halaman 216, Butiran 1200, Program 3—Perindustrian dan 3 (a) Kemajuan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian menyentuh program ini kerana saya fikir selama ini projek-projek atau rancangan perindustrian yang dicadangkan oleh Kerajaan khususnya di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini boleh dikatakan sudah sampai satu peringkat di mana dasar perindustrian kita perlu dikaji semula dengan menyeluruh dan mendalamnya.

Tujuan saya cuba menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di atas rancangan perindustrian yang dicadangkan oleh Kerajaan selama ini ialah adakah Kerajaan sudah membuat satu kajian yang mendalam dan menyeluruh tentang bagaimanakah rancangan perindustrian ini bukan sahaja boleh dicadangkan di kawasan-kawasan bandar juga boleh dimasukkan ke kawasan masyarakat luar bandar. Yang mustahak sekali bagaimanakah rancangan perindustrian ini membolehkan kaum pekerja memainkan satu peranan yang lebih dinamik dan positif di bidang pembangunan sosio-ekonomi negara kita, kerana selama ini focus yang diberikan oleh misi-misi pelaburan oleh

negara kita ialah kita ada mempunyai satu pasaran buruh yang cheap labour, dengan izin, Tuan Pengerusi, tetapi apakah potensi sebenarnya yang ada di Malaysia ini tidak begitu dititikberatkan hanya selain daripada bidang yang kita ada seperti mempunyai kaum pekerja yang cukup dan murah harganya dan senang dilatih dan lain-lainnya. Masalah ini sudah membawa satu masalah kerumitan bagi kaum pekerja kita di Malaysia.

Di sini kita boleh lihat timbulnya atau munculnya berbagai haluan dan masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja kita di kawasan-kawasan industri atau Free Trade Zone yang ada di Malaysia, umpamanya, di negeri Melaka satu contoh yang sangat baik yang boleh dikaji sejauh manakah kita sudah berjaya dari segi perancangan perindustrian.

Mengenai tajuk ini saya suka menyentuh satu point yang ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika menjawab soalan lisan saya pada minggu ini ialah mengenai pendirian dan pandangan Kerajaan terhadap memorandum yang dihantarkan oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia).

Sungguhpun saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat bahawa ada terdapat perbezaan pandangan, pendirian terhadap beberapa fasal dan beberapa artikel yang terkandung dalam memorandum ini, tetapi adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Kerajaan sedar bahawa ada satu common understanding dan juga ada satu objektif yang sama terkandung dalam memorandum ini ialah dari memorandum ini yang diucap dan dilahirkan melalui satu Kongres Ekonomi Masyarakat Cina yang diadakan pada 9hb April, 1978 di mana ada 10 resolusi telah diluluskan oleh masyarakat ekonomi Cina yang mengatakan bahawa masyarakat ekonomi Cina cuba menyumbang kepada pembinaan dan pembaharuan rakyat negara kita dan juga beliau akan memperkukuh dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara kita khususnya di bawah hubungan rancangan perindustrian. Tetapi kedua-dua point yang begitu mustahak ini sudah dilalaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Kerajaan sendiri.

Kalau kita ada mengkaji Fasal 1 dan juga Fasal 6 dalam resolusi itu, kita boleh lihat bahawa masyarakat ekonomi Cina sudah menyatakan mereka akan berusaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu dan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru di mana layanan yang adil dan saksama boleh diberi kepada semua lapisan dan semua kaum yang menyertai rancangan perindustrian dan pembangunan ekonomi negara kita.

Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan boleh mengkaji semula memorandum yang begitu mustahak yang boleh menolong Kerajaan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara kita di dalam hubungan rancangan perindustrian dan juga beberapa resolusi yang ada berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi dan perpaduan rakyat negara kita ini boleh diterima dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat atau dimasukkan dalam Dasar Ekonomi Negara kita supaya semua lapisan rakyat dan semua lapangan ekonomi boleh dimasukkan dalam aliran pembangunan ekonomi negara kita.

Di sini saya perlu menyeru bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semula memorandum yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kerana ini adalah merupakan satu sumbangan yang begitu kuat, yang positif terhadap pembangunan negara kita khasnya dari segi kapital-kapital tempatan daripada rakyat sendiri dan ini akan mengurangkan Kerajaan bergantung seberat-beratnya kepada kapital asing sahaja. Kalau kita mengkaji beberapa tariff misi pelaburan telah diadakan untuk menarik pelabur asing.

Saya tidak menafikan ini adalah sangat mustahak dengan kemasukan pelaburan asing ini bukan sahaja kapital asing akan dimasukkan, juga teknologi dan pengurusan yang moden pun boleh diperkenalkan kepada Malaysia untuk membangunkan ekonomi negara kita. Tetapi di samping itu adakah Kerajaan sungguh-sungguh memberikan

priority untuk rakyat Malaysia sendiri khasnya dari masyarakat Cina untuk menyumbang dengan lebih positif dan lebih aktif dalam bidang pembangunan ekonomi negara kita.

Selama ini saya jarang nampak ada apa-apa dialog secara besar-besaran di antara gabungan masyarakat Cina atau ekonomi Cina dengan Kerajaan supaya masalah-masalah mereka boleh diatasi, jangan hanya dipersetujukan atau diketepikan sahaja kerana ini adalah dari satu kaum sahaja, kerana apa yang dinyatakan dalam memorandum ini perlu dikaji dengan telitinya.

Akhirnya, izinkan saya sentuh satu perkara lagi mengenai Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, memang saya mengakui bahawa pergerakan pengguna adalah memainkan satu peranan yang mustahak untuk mengawal inflasi dan masalah kenaikan harga barang-barang sehari-hari. Tidaklah adil bagi Kerajaan hanya menyuruh rakyat kerana panic reaction dan membeli barang-barang kerana ada desas-desus mengenai kenaikan harga barang-barang maka telah memaksakan harga barang-barang keperluan sehari-hari dinaikkan dengan tidak sewajarnya.

Satu hakikat perlu diterima dan diakui oleh Kerajaan ialah selama ini Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan adalah sangat lemah untuk memerangi kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari umpamanya gula, simen, besi dan lain-lainnya. Sungguhpun Kerajaan tiap-tiap kali mengumumkan harga barang-barang ini dinaikkan, satu kenyataan akan dikeluarkan berasaskan alasan-alasan Kerajaan meluluskan permohonan tiap-tiap kenaikan harga tetapi bila kita kaji lebih mendalam, kita lihat umpamanya harga simen murah, katanya mereka telah menanggung kos yang tinggi tetapi adakah Menteri atau Kementerian sedar kilang-kilang yang berkenaan ini walaupun menanggung kos yang tinggi tetapi mereka masih memperoleh keuntungan berjuta-juta ringgit. Umpamanya kilang-kilang gula, kilang-kilang simen, keuntungan tahunan yang mereka perolehi selama ini adalah melebihi \$10 juta. Bolehkah Menteri atau Timbalan Menteri menafikan hakikat ini?

Bila harga gula dinaikkan, pihak Kerajaan menjamin bahawa bekalan di pasaran akan mencukupi. Lihat apa telah berlaku di

Malaysia? Memang bekalan di pasaran dunia adalah berkurangan dan harganya telah melambung naik tetapi di manakah jaminan dan janji Kerajaan yang perlu dikota? Apabila harga dinaikkan, jaminan diberi, tetapi akhirnya rakyat masih menghadapi masalah bahawa di seluruh Malaysia tidak dapat gula.

Satu dasar yang perlu saya tegur dan kritik ialah tentang cara Kerajaan menaikkan harga dan meluluskan permohonan kenaikan harga barang-barang keperluan. Umpamanya saya memberikan satu contoh ialah gula. Sebelum kenaikan harga ini diumumkan, Menteri Kewangan yang tidak langsung berkaitan dengan Kementerian Perdagangan telah mengumumkan harga gula akan dinaikkan. Ini telah mengakibatkan satu faktor yang mustahak di mana bekalan gula di pasaran telah berkurangan kerana memang ada orang yang cuba menahan bekalan gula ini tetapi kelemahan, kesilapan yang dibuat oleh Kerajaan ialah apa sebab kenyataan kenaikan harga ini diumumkan oleh Menteri Kewangan dan juga perkara ini masih belum diputuskan, akhirnya terpaksa Pemangku Menteri Perdagangan tampil ke hadapan untuk menafikan harga gula ini akan dinaikkan dan mengarahkan bahawa semua pengilang-pengilang atau pekedai-pekedai mengeluarkan bekalan gula ini. Apakah yang sudah berlaku di dalam Kabinet Kerajaan kita atas dasar kenaikan harga ini? Seorang Menteri kata akan naik harga; seorang Menteri lain kata tidak akan naik harga dan memastikan bekalan cukup dan harga tidak akan naik tetapi selepas satu minggu, harga gula telah naik. Inilah satu perkara yang sangat serius kerana merupakan satu dasar kenaikan harga yang kalam-kabut dari pihak Kerajaan.

Saya harap Menteri Perdagangan dan Perindustrian selaku Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memastikan bahawa dasar ini boleh dibetulkan dan hanyalah Kementerian-kementerian yang berkenaan boleh mengumumkan kenaikan harga dengan melindungi pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak-pihak dari pengguna dan lain-lain pihak yang berkenaan. Janganlah rakyat Malaysia dipermainkan-mainkan sekejap kata tidak naik, sekejap kata naik; kemudian naik pula. Apakah dasar Kerajaan itu? Dengan mempermainkan emosi, mempermainkan tanggungjawab mereka, ini sudah menimbulkan satu kemarahan di masyarakat pengguna kita.

Saya harap perkara ini boleh dibetulkan dan saya juga berharap Kementerian Perdagangan dapat memberikan satu jaminan yang kategori kepada Dewan ini bahawa pada masa-masa yang akan datang dasar kenaikan harga yang kalam-kabut ini, yang mempermainkan tanggungjawab dan rakyat ini boleh dihentikan dengan serta-merta dan juga saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan jangan campur tangan lagi dalam perkara ini, kerana itu bukan urusan di bawah Kementerian yang telah membuatkan keseluruhan pasaran gula kalam-kabut sehingga hari ini pun belum dapat diselesaikan.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gari Pagoh.

4.00 p.m.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi juga peluang untuk memberi satu dua pandangan di samping menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya ingin menyentuh dua perkara iaitu di bawah Maksud B. 27 di bawah Butiran 1100—Gaji dan Upahan. Program (1)—Pentadbiran Am yang meliputi perkara (a) Pentadbiran Am dan Wang dan (b) Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan.

Di dalam masa membahaskan soal Dasar Belanjawan baru-baru ini saya telah menyentuh tentang peri mustahaknya Kerajaan memberikan perhatian yang istimewa kepada perkembangan dan kemajuan "small scale industries" pada bidang peniaga-peniaga kecil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*

Ini disebabkan di dalam keadaan perkembangan ekonomi yang pesat di negeri ini sekarang ini tumpuan-tumpuan yang lebih kerap diberikan kepada usaha-usaha untuk menggalakkan entrepreneur ataupun usahawan-usahawan memasuki bidang-bidang yang lebih besar sesuai dengan dasar negara sekarang ini melancarkan revolusi industri. Dengan sebab itu kita rasa curiga sekiranya perhatian yang seumpama itu tidak juga diberikan kepada

sektor perusahaan kecil (small enterprise) maka kemungkinan bidang perusahaan kecil yang menampung sebahagian besar daripada bilangan keluarga di dalam negara ini akan tidak dapat berkembang dengan kadar yang sepatutnya.

Oleh yang demikian, di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian memikirkan dengan seriusnya untuk menubuhkan jabatan yang khas iaitu Bahagian Pembangunan Enterprise Kecil yang meliputi perniagaan atau perusahaan yang mempunyai modal sebagaimana takrif Kementerian di bawah \$250,000. Dengan tertubuhnya Jabatan Enterprise Kecil ini maka saya yakin Kementerian akan dapat memikirkan dengan lebih lanjut soal untuk mengadakan insentif-insentif yang istimewa bagi melindungi dan juga memberikan galakan untuk perkembangan sektor perusahaan dan perniagaan kecil ini yang pada masa ini tidak ada mempunyai sesuatu dasar yang tertentu. Keduanya disebabkan banyak agensi-agensi Kerajaan seumpama MARA dan sebagainya yang melibatkan diri dalam membantu peniaga-peniaga kecil.

Jabatan Enterprise Kecil ini juga dapat memikirkan usaha-usaha yang lebih lanjut dan dasar serta strategi yang lebih tegas bagi melindungi peniaga-peniaga kecil ini dari tekanan-tekanan pertandingan yang hebat yang harus mereka hadapi dengan peniaga-peniaga yang sudah established dan lebih besar termasuk pengusaha-pengusaha dari luar negeri dan juga termasuk multi-national dan sebagainya. Di dalam keadaan pasaran bebas dan ekonomi bebas yang kita amalkan sekarang ini kita memang ketahuhi bahawa setiap usaha yang dijalankan oleh setiap entrepreneur itu berjaya atau tidaknya bergantung kepada kegigihan mereka. Tetapi dalam keadaan sekarang ini kita memikirkan tentang perlunya satu strategi dan juga dasar yang lebih konkrit digubal bagi memberikan perlindungan yang lebih kepada sektor perusahaan dan perniagaan kecil ini.

Selain daripada itu sebagaimana yang kita sedia maklum kerap timbul masalah-masalah yang dibangkitkan oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil. Umpamanya kerap juga disuarakan tentang bayaran-bayaran tertentu yang dikenakan terlalu tinggi umpamanya bagi membayar lesen

peniaga-peniaga kecil yang dikenakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Juga tentang kekurangan kemudahan-kemudahan untuk peniaga-peniaga kecil berniaga dan tidak kurang juga masalah-masalah dibangkitkan tentang harassment ataupun kesulitan-kesulitan yang sentiasa dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil dari tindakan-tindakan yang diambil oleh penguasa-penguasa tertentu.

Oleh yang demikian, Jabatan ini perlu memikirkan apabila ditubuhkan tentang mengadakan kemudahan infrastruktur yang seluas-luasnya termasuk tempat-tempat bagi perniagaan dan kemudahan-kemudahan jalan, api, air dan sebagainya.

Kerap juga ditimbulkan masalah bahawa sektor perniagaan kecil menghadapi masalah modal. Ini juga sekarang ini telahpun diambil perhatian oleh beberapa agensi Kerajaan yang tertentu khasnya bagi peniaga bumiputra oleh MARA dan juga oleh UDA dan badan-badan yang lain. Tetapi saya fikir adalah penting juga bahawa Kerajaan memikirkan pada keseluruhan mengadakan satu dasar dan juga satu skim yang dapat membantu dengan lebih tegas sektor perniagaan ini bagi membolehkan mereka bukan setakat menduduki taraf sebagai peniaga kecil tetapi berkemungkinan untuk memperluaskan perniagaan mereka pada bidang-bidang yang lebih besar. Saya yakin ini adalah satu cara yang boleh dikatakan lebih berkesan dalam usaha kita mencari lebih ramai lagi kaum usahawan kita yang ada sekarang ini mengamalkan perniagaan secara kecil-kecilan untuk bersama dengan pengusaha-pengusaha yang sudah established memasuki bersama-sama di dalam revolusi industri yang kita akan hadapi di dalam tahun-tahun 80an ini.

Selain daripada itu juga masalah yang kerap dibangkitkan oleh golongan enterprise kecil-kecilan ini tentang kurangnya peluang mereka untuk memasarkan barang-barang yang dihasilkan oleh mereka dan setakat ini hanya sebahagian kecil sahaja pengusaha-pengusaha yang mempunyai modal \$250,000 ke bawah ini yang berkeupayaan untuk memecahkan monopoli dan keluar untuk menjual dan memasarkan barang-barang mereka di peringkat antarabangsa.

Saya yakin dengan usaha yang akan dijalankan oleh Kementerian dengan tertubuhnya bahagian ini akan dapat mengadakan

satu cara dan juga satu peraturan dan usaha-usaha dapat dijalankan dengan lebih lanjut untuk membolehkan pengusaha-pengusaha kecil ini memasarkan barangan mereka bukan sahaja di tempatan bahkan di peringkat antarabangsa.

Pada umumnya, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan pada keseluruhannya bahawa Kerajaan patutlah mengamalkan konsep payung yang pernah disuarakan oleh beberapa orang pakar ekonomi untuk melindungi perkembangan sektor yang begitu penting. Kalau dikira dari jumlah kepala ataupun rakyat yang terlibat dengan perusahaan kecil, saya anggarkan tidak kurang 600,000 orang peniaga-peniaga kecil dan kalau dikira dari segi jumlah bilangan keluarga mereka mungkin tidak kurang daripada 1.5 juta yang terlibat dengan usaha-usaha perniagaan kecil ini. Jadi konsep payung (the umbrella concept) ini perlu diamalkan. Pada keseluruhannya di dalam memberikan bantuan dan juga perlindungan kepada pengusaha-pengusaha kecil sebagaimana saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah di bawah peruntukan yang sama Program (2) Perdagangan—(c) Penyertaan Bumiputra.

Saya tidaklah ingin menyuarakan beberapa perkara yang biasa dan kerap disuarakan, khasnya kalangan bumiputra untuk mendapatkan peluang-peluang yang lebih bagi mereka menggiatkan diri dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Tetapi sehingga hari inipun telah banyak usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, khasnya di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan masih banyak lagi suara yang ditimbulkan di kalangan peniaga-peniaga bumiputra tentang masalah yang mereka hadapi. Masalah yang kerap kita dengar tentang pemborong-pemborong bumiputra juga disuarakan dan juga tentang masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputra untuk mendapatkan agensi-agensis barang-barang utama dan barang-barang tertentu. Daripada rekod yang ada, saya yakin hanya sebahagian kecil daripada barang-barangan yang ditawarkan untuk diedar oleh peniaga-peniaga walaupun diperolehi oleh peniaga-peniaga bumiputra. Usaha-usaha yang lebih lanjut perlu dan patut diambil oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra untuk menentukan bahawa golongan bumiputra

yang betul-betul berkelayakan dan berkebolehan diberikan peluang-peluang untuk mendapatkan agensi-agensis dan juga mendapatkan peluang-peluang bagi mengedarkan barang-barang utama sebagaimana yang kita sedia maklum. Jadi inilah, Tuan Pengerusi, dua perkara yang saya ingin sentuh dan pada akhirnya saya menyokong sekali lagi peruntukan yang dimohon oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Semerah.

4.12 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamad (Semerah):** Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan adalah nadi yang penting sekali dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara ini. Banyak usaha-usaha dan rancangan yang sedang dijalankan bagi mengemaskinikan perjalanan Kementerian ini dan saya ucapkan setinggi tahniah semoga segala cita-cita mulia akan dikabulkan Tuhan.

Muka surat 215, menyentuh B. 27, Butiran 1100, Program (1) (b) Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan.

Saya berpendapat untuk merancang dan menyelidik sejauh mana bahan-bahan pengeluaran di negara ini boleh mendapat pasaran yang baik di dalam dan di luar negeri pameran-pameran perdagangan yakni trade fair yang lebih menarik hendaklah diadakan di dalam dan di luar negeri dengan cara yang bersungguh-sungguh, bukan asal ambil nama ada sahaja ataupun sambil lewa. Umamanya, dalam pameran perdagangan yang lalu di London, Thailand dengan bersungguh-sungguh memperkenalkan nenasnya dengan menyediakan mangkuk dan camca beri orang rasa macam mana enaknyanya nenas keluaran Thailand. Tetapi Malaysia hanya menyebarkan label sahaja dan bukan beri rasa sample dan juga jika ada negara-negara mengundang kita bagi mengambil bahagian dalam pameran sayugialah pihak kita memberikan sambutan.

Kedua, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Perdagangan tidaklah boleh malu-malu dan segan mempromotekan dagangan kita. Oleh itu, saya berharap sales manager kita atau sales promoter kita hendak diberikan latihan dan ditempatkan di negara-negara yang ada potensi baik. Saya selalu mendengar rungutan peniaga-peniaga yang berhasrat

hendak berdagang dengan Malaysia tidak mendapat bahan-bahan dan keterangan yang jelas dan sejauh mana kemudahan-kemudahan yang boleh diperolehi dan keselamatan yang boleh terjamin untuk mereka.

Kita juga berbangga kerana Malaysia House di mana letaknya pejabat Trade Commission kita adalah terletak di kawasan yang strategik dan baik di kota London. Window-dressing juga adalah satu daya penarik tetapi di sini kita lihat berbulan-bulan itulah sahaja sehelai kain batik atau baju batik yang ditayangkan. Saya juga berharap berbagai lagi barang-barang buatan Malaysia boleh diletakkan di situ.

Selain daripada kantar Kementerian Perdagangan maka saya juga mencadangkan supaya contoh-contoh barang-barang Malaysia juga diadakan di Pejabat Kedutaan di mana ia berada dan dicari ruangan di semua lapangan-lapanganterbang antarabangsa dan hotel-hotel antarabangsa yang berpotensi bagi diiklankan barang-barang pengeluaran Malaysia. Dalam penyelidikan, perancangan dan penyelarasan ini juga kita tahu bahawa Malaysia Alhamdulillah kaya dengan bahan-bahan mentah yang diperlukan. Hanyalah kita kekurangan kepakaran teknologi. Di antara lain-lain ialah kita mempunyai pasir halus yang boleh dijadikan kaca dan plaster zinc atau tanah liat yang boleh dijadikan basin cuci ataupun mangkuk tandas, bath tub, ceramic dan porcelain yang boleh dibuat pinggan mangkuk, pasu-pasu dan takar-takar. Oleh sebab keperluan penggunaan bahan-bahan ini amatlah tinggi dan menggalakkan, saya juga berharap Kementerian akan menjalankan usaha dan penyelidikan yang bersungguh-sungguh di dalam perkara ini. Dan juga Kementerian haruslah dalam program pengembangannya menghantar penyelidik-penyelidik membuat kajian dan latihan-latihan ke negara-negara yang pakar dalam perusahaan ini seperti Perancis, Austria, Taiwan dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, menyentuh di muka surat yang sama, Program (2) Perdagangan (c) Penyertaan Bumiputra. Saya nampak yang paling banyak menggunakan motosikal baik Honda, Yamaha dan lain-lain ialah orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar, petani-petani serta pekebun-pekebun kecil. Oleh itu, sudah sampailah masanya bahawa pembahagi tunggal dan pengedar,

kenderaan jenis ini hendaklah diberi kepada bumiputra kerana selama ini sudah puas dimonopoli oleh orang lain.

Saya juga mengalu-alukan langkah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang pada masa ini menubuhkan general trading bagi menolong memperdagangkan hasil-hasil pengeluaran usahawan-usahawan kecil. Sebenarnya sumbangan mereka adalah amat besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Umpamanya, perusahaan-perusahaan membuat bot-bot menangkap ikan di negeri Trengganu, yang mendapat banyak pesanan daripada luar negeri. Seperti kita pernah mendengar bahawa mereka menerima tidak kurang enam buah tempahan dari Algeria, kalau tidak salah dan juga dari negara-negara lain. Jadi kita berharap Kerajaan akan menolong mempromotekan usaha ini bahkan akan mula melatih mereka ini membuat kapal-kapal kecil daripada besi dengan jalan memasak sendiri besi-besi yang ada di negara kita, hanyalah tinggal dibeli acuan-acuannya (mould) sahaja, tentang memasangnya mereka itu mempunyai kebolehan dan kemampuan dan hanya yang perlu dibekalkan ialah jentera-jentera. Usaha-usaha membina kapal-kapal kecil yang dianggap memajukan perindustrian berat semacam ini ada berjalan dengan baik di Sarawak.

Tuan Pengerusi, menyentuh B. 27, muka surat 216, Program (3) Perindustrian (a) Kemajuan Perindustrian.

Kita selalu dengar kilang-kilang yang diberi taraf perintis yang mendapat beberapa kemudahan seperti pengecualian tarif dan lain-lainnya apakala cukup lima tahun mestilah terbakar ataupun tutup seperti kilang berlian di Kelantan kerana rugi konon. Tetapi selepas itu mereka akan membuka semula kilang itu dengan menggunakan nama yang lain dan mengambil pekerja-pekerja baru dengan demikian terselamatlah mereka dari membayar bonos kepada pekerja-pekerja yang lama. Saya berharap Kementerian Perdagangan juga akan mewajibkan pelabur-pelabur itu memberikan latihan dan bimbingan kepada pekerja-pekerja kita dan juga meletakkan pegawai-pegawai executive bersama-sama menjalankan pengurusan supaya apakala sampai tempoh mereka meninggalkan perusahaan-perusahaan ini bolehlah pula diteruskan oleh rakyat kita yang sudah mendapat latihan dan pengalaman itu.

Dalam usaha mempertingkatkan lagi kemajuan perindustrian di negara baik yang ringan mahupun yang berat masih banyak lagi yang boleh diberi perhatian. Saya juga berasa syukur dan rasa bangga bahawa usaha-usaha menyusukan kera di hutan sudah mula dikurangkan. Saya berpendapat usaha-usaha memasang body motosikal, basikal dan tayar bagi kedua-dua kenderaan sayugialah diusahakan di sini. Tetapi teknologi kita masih juga belum memuaskan, kerana penarik beca lebih gemar membeli tayar-tayar basikal daripada negeri Cina yang mana menurutnya pakai 6 bulan belum lagi apa-apa tetapi tayar buatan tempatan, baru dua bulan sudah melepek. Jadi, saya mencadangkan supaya usaha-usaha membuat tayar mati bagi kegunaan beca roda tiga ini adalah sesuai macam masa Jepun.

Saya juga berharap teknologis-teknologis daripada China dan India bolehlah menolong kita dalam perkara ini dan tidaklah rugi dalam usahasama ini jika mereka menuntut kadar 55% dan kita dapat 45% kerana kita telah diberi juran dan bukannya disajikan ikan.

Tuan Pengerusi, di antara strategi aktiviti kemajuan perindustrian ialah menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan yang ada viabilitinya. Saya juga nampak kita mempunyai peluang yang baik dalam usaha-usaha petrokimia yang mana baharu-baharu inipun Korea telah bersetuju memberikan kerjasama dengan kita. Salah satu daripada pengeluaran yang boleh diusahakan di negara ini ialah membuat cat dan tikar-tikar getah daripada synthetic rubber. Bak kata Param: hanya orang ada kelas sahaja pakai cat ICI. Boleh dikatakan semua benda memerlukan cat. Kapal sentiasa memerlukan cat, bangunan-bangunan di bandar-bandar di negara ini hendaklah diperintahkan cat sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun sekali supaya tidaklah terlalu berlapuk.

Menyentuh P. 27, Butiran 1—Pusat Daya Pengeluaran Negara. Saya berharap Pusat Daya Pengeluaran Negara ini tidaklah melatih peniaga-peniaga bumiputra hanya layak untuk berniaga di warung-warung dan di tepi-tepi jalan sahaja tetapi Pusat Daya Pengeluaran Negara haruslah menyediakan program-program dari sekarang dengan mewujudkan sebuah atau beberapa buah institusi yang moden dan lengkap bagi melatih rakyat

Malaysia dalam semua bidang perindustrian daripada semi-skilled workers kepada skilled workers dan daripada skilled workers kepada taraf profesional bagaimana hendak me-industrialaiskan bahan-bahan mentah yang ada di negara ini sebelum habis bahan-bahan yang bernilai ini diangkut keluar oleh orang lain. Bila bijihnya habis diangkut yang ramai mati lemas dalam lombong ialah rakyat kita. Kayu hutan habis ditebang yang dilanda banjir rakyat jelata. Saya berdoa usaha bersungguh-sungguh yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus mencapai kejayaan. Akhirnya, saya menyokong anggaran peruntukan yang dipohonkan sebanyak \$91.7 juta.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerai.

4.24 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut menyokong di atas permohonan yang diminta di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu B. 27 dan P. 27 dan di sini saya ingin menyentuh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, B. 27 muka dan Butiran berapa?

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Pengerusi, sara menyentuh bekalan B. 27, Butiran 1100, Program (4) (a) & (b) mukasurat 216. Di dalam Program (4) Perlindungan Pengguna—(a) Unit Penguatkuasaan (b) Hal Ehwal Pengguna.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Unit Penguatkuasa kerana selama ini banyak kegiatan-kegiatan yang telah mereka jalankan yang juga banyak memberi kesan-kesan di dalam peranan dan tanggungjawabnya. Walau bagaimanapun, dari apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini masih kedapatan banyak lagi perkara-perkara yang perlu dikaji dari semasa ke semasa dan perlu dipergiatkan semuga peranan Unit Penguatkuasaan dan Hal Ehwal Pengguna ini dapat memberi sepenuhnya makna dan mencapai matlamat yang sebenarnya.

Seperti yang saya katakan tadi bahawa Unit Penguatkuasa banyak menjalankan tindakan-tindakan yang agak berkesan tetapi apa yang saya hendak sampaikan di sini,

kerana saya masih rasa dukacita ada lagi sebilangan kecil Pegawai-pegawai Penguatkuasaan kita yang kadangkala menjalankan tugas dan peranannya agak sambil lewa. Jadi, dengan ini saya mengingatkan supaya pihak yang bertanggungjawab ini jangan mengangapkan perkara ini sebagai perkara kecil. Misalnya, satu perkara yang dilaporkan kadangkala pegawai yang berkenaan itu memberi jawapan tanpa sebarang tindakan lagi tetapi terus memberi jawapan apabila kita menaliponnya menceritakan sesuatu hal, hanya dia telah menjawab dalam telefon begitu-begitu, begitu-begitu dan tidak mengambil sebarang tindakan dan kadangkala mengambil sesuatu tindakan memakan dua tiga hari sedangkan perkara yang perlu diambil tindakan secepat mungkin itu telahpun berlalu dengan begitu sahaja. Jadi, dengan itu saya berharap semoga mendapat perhatian di dalam pelaksanaan agar benar-benar mencapai matlamat dan tujuannya yang mana kita semua akan memberi penuh penghargaan sekiranya mereka menjalankan penuh tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, yang saya hendak menyentuh di dalam Unit Penguatkuasaan ini ialah di atas perkara yang dibangkitkan oleh banyak di antara rakan-rakan kita di Dewan ini berhubung dengan kedudukan gula yang ada sekarang. Soal gula ini tidak perlu kita bincangkan agak panjang kerana pihak Kementerian sendiri, orang awam dan juga kita semua mengetahui bahawa krisis gula adalah satu krisis yang sedang berlarutan akhir-akhir ini. Apa juga carapun nasihat ataupun saranan yang kita buat rakyat tahu ini semata-mata untuk meredakan perasaan sahaja sedangkan kita mengetahui bahawa kedudukan gula memang tidak mencukupi. Dalam bidang ini saya rasa setakat menasihatkan rakyat, menasihatkan orang ramai jangan berebut-rebut beli gula, dan dua tiga hari yang lepas saya lihat ada kenyataan Pegawai Penguatkuasa menyatakan gula dihantar pada satu tempat satu tan dalam satu hari boleh habis sedangkan pada masa dahulu satu bulan baru habis. Apa hendak buat kerana di tempat itu sudah satu bulan tidak ada gula, bila sudah tidak ada gula sebulan, di hantar 10 tanpun habis kerana begitu gian sekali selama ini tidak ada gula di tempat itu. Jadi jangan hendak persalahkan orang kampung, kadangkala benda ini sebenarnya berlaku. Saya sendiri

biasa bila datang ke Kuala Lumpur beli gula sepanjang-panjang jalan. Ada gula di dalam motokar saya, hari inipun ada banyak dekat 20 kati gula bawa ke kawasan saya. Banyak orang datang ke rumah saya apabila saya balik ke rumah. Gula tidak ada, anak hendak makan gula tidak ada. Kalau orang tua tidak apa macam Yang Berhormat dari Ulu Muda semalam, dia kata dia sudah tua, doktor nasihatkannya tak makan gula tidak apa Tetapi anak-anak kecil makan susu hendakkan gula, berhendakkan makanan yang memerlukan gula, terpaksa. Saya pernah dapati kalau orang macam saya ini hendak pergi beli gula senang sahaja di mana-mana boleh beli gula, tetapi saya dukacita orang-orang kampung hendak beli gula sebulan, rata tempat dan pekan mencari gula semuanya tidak ada. Jadi dengan ini sukalah saya menyarankan di sini kalau setakat kita membincangkan begitu sahaja tidak memberi kesan. Sekarang sudah sampai masanya dan ini sudah menjadi satu pengajaran kepada Kerajaan dan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya lebih berhati-hati dan mulai sekarang juga mewujudkan sebuah lembaga ataupun perbadanan yang menguruskan soal barang-barang perlu yang perlu di negara kita ini.

Petang semalam Yang Berhormat dari Matang telah mencadangkan supaya Kementerian ini menubuhkan lembaga gula negara. Saya rasa itupun baik juga, tetapi untuk jangka pendek, apahal kalau lain masa pula gula sudah selesai macam dahulu masalah beras berbangkit kita tubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara. Beras sekarang sudah selesai, timbul masalah gula hendak tubuh pula lembaga gula. Satu masa timbul pula masalah lain sudah hendak tubuh lembaga yang lain pula. Jadi memadai saya mencadangkan di sini supaya Kementerian menubuhkan sebuah lembaga ataupun perbadanan untuk mengambil berat atau mengambil inisiatif di dalam pembekalan barang-barang perlu. Saya tidak tahu apa lagi barang yang difikirkan perlu yang kemungkinan akan menjadi satu keadaan krisis di dalam pembangunan ekonomi di dunia sekarang ini. Asalkan Perbadanan ini dapat mengadakan pembekalan (stockpile) yang mencukupi, simpan untuk masa musim-musim yang tak ada. Macam sekarang sudah tak ada baru hendak jimatkan gula masakan boleh dibuat sudah tak ada. Sekarang kalau hendak bertanya

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian satu beg pun ada stok gula, semua ada kepada pelesen-pelesen yang telah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi lesen untuk mengimport dan stok gula. Ini yang merumitkan kita sekarang ini apabila berlaku keadaan runding macam ini Kementerian tidak dapat mengeluarkan bahan untuk menanding keperluan yang ada ataupun untuk hendak menandingi kenaikan harga pada satu-satu ketika seperumana yang pernah berlaku dalam masa krisis beras dahulu.

Tuan Pengerusi, apa yang saya harapkan ini akan dapat dipercepatkan kerana keadaan sekarang ini kita nampak semakin naik. Kalau gula dahulu \$200 satu tan naik kepada \$2,200 dan kelmarin ataupun petang semalam Yang Berhormat Timbuan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengumumkan gula sudah naik lagi \$200 jadi \$2,400 satu tan. Kalau tiap-tiap hari makin naik, bererti bahan ini makin berkurangan. Kalau sekadar hendak menasihatkan jangan makan gula setakat kadar yang ada sekarang tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya ingin menyentuh dalam Maksud B. 27, Butiran 1100, Program (1) (b) Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan; dan Program (2) Perdagangan (c). Saya akan menyentuh di dalam perkara ini kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, di dalam Program (1) Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan dan juga Program (2) Perdagangan (c) Penyertaan Bumiputra ini adalah di antara dua bidang yang berkaitan pada pandangan saya. Suka saya membangkitkan di sini dalam bidang ini ialah kerana kita telahpun melihat perkembangan ekonomi negara kita dan cara penyertaan di dalam ekuiti ekonomi di negara kita sekarang ini. Apa yang hendak saya sarankan di sini biarlah bidang penyelidikan, perancangan dan penyelarasan ini diberi sepenuh-penuh kuasa bagi menyelaraskan semua agensi-agensi yang terlibat dalam usaha-usaha ataupun peranan mereka untuk menolong penyertaan bumiputra dengan sepenuh-penuhnya yang mana agensi-agensi ini adalah terlibat dalam MARA, UDA, CGC, ICU dan lain-lain. Kerana sekiranya Unit Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan ini tidak mempunyai sesuatu kuasa,

kemungkinan perancangan ataupun penyeli-dikannya hanya menjadi satu kenyataan di dalam kertas untuk ditatapi oleh sesiapa yang hendak disuruh mena. apinya tetapi tidak akan memberi apa-apa kesan kepada pelaksanaan penyertaan ini.

Lagi satu dalam penyertaan bumiputra ini, Tuan Pengerusi, kalau masa tak mencukupi saya minta hendak tambah sedikit kerana yang ini adalah khusus . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada masa 4 minit lebih kurang lagi.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Pengerusi, di dalam penyertaan bumiputra ini saya begitu ragu-ragu sekali sekarang ini kerana matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan hendak memberi peluang 30% kepada bumiputra dalam masa 20 tahun, sekarang telahpun berjalan 10 tahun. Apa yang saya mencurigai apakah sistem yang ada sekarang ini akan dapat memberi kepuasan kepada matlamat mencapai Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk memberikan peluang-peluang penyertaan di kalangan orang-orang yang tidak berada dan golongan yang berada ini akan dapat dinikmati pada keseluruhannya. Kerana setakat sekarang ini di bawah sistem yang ada sekarang ini lebih banyak memberi peluang kepada mereka yang berkemampuan; kemampuan di segi modal, kemampuan di segi pentadbiran perusahaan, di segi pengalaman, di segi perhubungan, di segi kebolehan dan di segi peluang yang dia dapat menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, misalnya A.P., lesen dan sebagainya. Tetapi apa hal kepada kalangan-kalangan yang sebenarnya perlu ditolong, iaitu kalangan-kalangan bumiputra yang benar-benar miskin.

Inilah yang saya hendak sarankan supaya di dalam penyelidikan dan perancangan mesti dikaji, dirancang sesuatu program yang dapat melibatkan penyertaan seluruhnya dan saya sarankan di sini iaitu satu ekonomi penglibatan yang mana sistem ekonomi penglibatan ini jika dapat dijalankan akan dapat memberi peluang kepada seluruh rakyat yang dapat menyertainya. Daripada sekarang ini hanya memberi peluang kepada beberapa kerat manusia, sama ada daripada bumiputra atau bukan bumiputra untuk menjadi jutawan dan setelah beberapa kerat ini akan memberi kerenggangan di antara masyarakat ini, bukan di antara golongan

lain dengan golongan lain, tetapi Melayu dengan Melayu, bumiputra dengan bumiputra juga akan timbul perasaan iri hati dan perpecahan kerana ada sebahagian bumiputra mendapat nikmat menjadi jutawan tetapi sebahagian bumiputra hanya mendengar sahaja rancangan Dasar Ekonomi Baru 30% untuk bumiputra.

Dengan ini apa yang saya maksudkan kepada ekonomi penglibatan ini supaya Kementerian ini merancang sesuatu program, misalnya hendak membuka sesuatu industri berhubung dengan getah, biarlah industri yang akan dibuka itu sahamnya dilabur diberi peluang kepada koperasi-koperasi yang berhubung dengan getah ataupun pekerja-pekerja yang berhubung dengan getah, pekebun-pekebun kecil dan sebagainya dan beri juga saham itu peluang kepada buruh-buruh yang bekerja yang mana dengan sendirinya penyertaan itu akan dapat lebih ramai. Misalnya, kalau satu industri yang dibuka mungkin bukan satu pemilik, dua pemilik atau tiga pemilik tetapi mungkin beratus-ratus kalangan dapat memilikinya.

Soalnya sekarang ini yang menjadi masalah ada juga orang bertanya, tadipun saya pergi ke bank dan berbincang dengan seorang pegawai bank. katanya Kerajaan memberi peluang sebaik-baiknya kepada kalangan bumiputra tetapi seperti yang saya katakan tadilah bagaimana dapat menyertai di dalam peluang-peluang ini kalau kemampuannya di berbagai bidang, di bidang pentadbiran, perurusan dan sebagainya. Sebenarnya kalau untuk mengikuti ataupun menyertai di dalam peluang-peluang pembangunan ekonomi kemiskinan kaum bumiputra yang ada di kampung-kampung dapat menyertai kerana kemiskinan di kampung-kampung ada juga kaum-kaum bumiputra yang memiliki 2-3; 5-6 ekar tanah sawah, yang mana nilai tanahnya gerannya boleh dicagarkan kepada bank dan wang di bank boleh ambil digunakan melaburkan di dalam industri yang dibuka. Dengan ini secara tidak langsung penyertaan itu datang daripada kalangan bumiputra yang selama ini tidak pernah mimpi pun untuk dapat menyertai di dalam bidang perindustrian ataupun di dalam bidang perdagangan ini.

Inilah yang saya sarankan supaya penyelidikan dan perancangan ini dikaji di peringkat ini dan dilaksanakan di dalam

prinsip ataupun dasar ekonomi penglibatan yang saya sebutkan tadi. Sekurang-kurangnya kalau pun tidak dapat penyertaan langsung begitu, boleh juga industri yang dibuka itu diambilnya pekerja-pekerja datang daripada luar bandar ataupun kaum bumiputra dan diberikan ekuiti saham kepada pekerja-pekerja ini, dipotong gaji tiap-tiap bulan yang mana kita harap kalau 20 tahun dia bekerja di situ satu masa anaknya memiliki dalam perusahaan perdagangan yang ada. Kalau sekiranya macam sekarang sahaja tak mungkin walaupun pelaburan dibuka begitu banyak kerana tidak dapat diikuti dengan secara sepenuh-penuhnya.

**Tuan Pengerusi:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas perbehalan Maksud B. 27 dan P. 27 ini.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.38 ptg.

**Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong atas Maksud B. 27—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan wang yang diminta sebanyak \$91,775,146. Tujuan peruntukan ini ialah untuk mengimbangkan Aktiviti seperti pasaran, pembangunan dan perhubungan di antarabangsa.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 1100, Program (2) (a) Perdagangan Dalam Negeri; (b) Perdagangan Antarabangsa; (c) Penyertaan Bumiputra dan saya di sini golongan sama (a), (b) dengan (c).

Tuan Pengerusi, oleh kerana Dasar Ekonomi Baru kita belum lagi tercapai masa ini, saya difahamkan yang pertama sekali Kerajaan kita perlu menggalakkan latihan kepada bumiputra di negara ini kerana kita masih lagi ketinggalan di bidang perniagaan dan saya bercakap di sini bukan menyekat kaum bumiputra, tetapi saya bercakap supaya Kementerian ini memberi pertimbangan untuk mempergiatkan lagi kaum bumiputra dan meningkatkan lagi dasar perniagaan bumiputra di luar negeri ataupun dalam negeri supaya dapat seimbang dengan bukan bumiputra iaitu kepada bumiputra

yang baru menyertai di bidang pengedaran kerana masalah yang mereka semua hadapi ialah masalah tidak cukup pengalaman dan kadang-kadang persoalan itu tidak mencukupi modal simpanan yang besar.

Misalnya, kalaulah seorang yang hendak menjadi pengedar dalam bidang barang-barang seperti motokar. Ini dipersoalkan berapa tahun sudah mempunyai pengalaman dalam bidang pengedaran dan kalau persoalan ini berlaku, maka saya ber'anya bilakah kaum bumiputra di negara ini dapat penuh menyertai bukan bumiputra di bidang perniagaan.

Tuan Pengerusi, saya di sini sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mengambil perhatian kerana jika keadaan ini telah selalu berlanjutan maka tidak tercapailah matlamat yang kita harapkan.

Tuan Pengerusi, soalan ini memang selalu berlaku, perniagaan bumiputra saya dapati tiap-tiap bersidang dalam Dewan ini berbangkit dan saya juga ingin sekali lagi bertanya sejauh manakah peratus saham-saham pada hari ini sudah diberi kepada bumiputra iaitu bidang pengedaran barang-barang seperti simen, besi waja dan sebagainya kerana mengikut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah sekurang-kurangnya 30% daripada hak milik saham ini dipegang oleh kaum bumiputra dan jika sekiranya keadaan ini berlanjutan maka tidak tercapailah matlamat yang diharapkan oleh kaum bumiputra di negara ini.

Saya di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya dalam bidang ataupun dalam konteks ini kita dapati bahawa saham-saham yang diperuntukkan kepada syarikat bumiputra ataupun kepada perseorangan tidak memuaskan. Walaupun demikian, saya berharap bahawa kajian semula perlu dijalankan sebab saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra masa ini masih lagi belum dapat diambil dan masih belum dapat dibeli yang mana saham itu diperuntukkan melalui Kementerian ini. Saya berharap bahawa perkara yang saya bangkitkan di sini dapat diambil perhatian dengan jelas supaya kaum bumiputra yang baru menyertai di bidang pengedaran barang-barang di negara ini dapat dipertimbangkan. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanjung Karang

4.45 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang):** Tuan Pengerusi, oleh kerana masa ada sedikit sahaja lagi, saya akan berkongsi masa ini dengan Yang Berhormat dari Panti dan saya cuba bercakap seberapa ringkas dan pendek yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian pada muka surat 215, Butiran 1100: Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran Am, bahagian (b) Penyelidikan, Perancangan Am Penyelarasan dan saya rangkumkan dengan Program (2) Bahagian (a) dan (b) Perdagangan Dalam Negeri dan Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, dalam masalah perdagangan dalam negeri yang berpunca daripada hasil-hasil yang sedia ada dalam negeri selalu tercabar yang menyebabkan anak negeri atau warganegara yang mengeluarkan hasil tersebut kurang mendapat faedah daripada perdagangan dalam negeri yang terlibat dengan perdagangan antarabangsa.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, ialah kelapa. Pada hari ini kita telah mendengar runutan dengan begitu hebat daripada pekebun-pekebun kecil kelapa atau pekebun-pekebun kelapa dalam negeri ini harga kelapa mereka tersangat murah dan merosot sekali jika dibandingkan dengan harga kelapa pada masa-masa yang lepas.

Saya berpendapat, harga kelapa ini menjadi begitu merosot selain daripada pasarnya di peringkat antarabangsa tidak ada atau kurang ialah pasarnya dalam negeri sendiri tercabar iaitu minyak kelapa ini jika digunakan oleh semua rakyat yang memerlukan lemak dalam negara ini tentulah hasil kelapa dan harga kelapa ini dapat pasaran dalam perdagangan dalam negeri agak memuaskan. Tetapi disebabkan oleh perdagangan antarabangsa yang kurang diambil perhatian oleh Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan ini menyebabkan minyak-minyak lemak daripada negara-negara lain masuk dengan begitu bebas memainkan peranan di dalam negeri ini yang menyebabkan kegunaan minyak kelapa kepada anak negeri telah tercabar.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berseru supaya Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan dan juga Perancangan ini apabila sesuatu permohonan daripada pelesen-pelesen yang mengimport bahan-bahan untuk perdagangan antarabangsa hendaklah dikaji bahan-bahan itu adakah tidak bersamaan dengan bahan yang ada di dalam negara ini supaya usaha-usaha yang dibuat oleh rakyat dalam negara ini tidak meleset dan tidak tewas disebabkan oleh bahan-bahan yang datang dari luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada muka surat 225, Butiran (2) Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Dalam masalah pelancungan ini kita dapati semakin sehari semakin sejuk beritanya. Jadi saya sukacita sekiranya dapat Kementerian ini mengambil perhatian menggiatkannya semula supaya tempat-tempat yang boleh dijadikan pusat pelancungan diselidik dengan teliti dan dimajukan agar perkembangan pelancungan dalam negeri atau antarabangsa dapat berkembang seberapa banyak kawasan yang boleh di dalam negara ini, tidaklah bertumpu kepada hanya satu dua tempat yang sedia ada sahaja.

Tuan Pengerusi, saya rasa masa ada tinggal sepuluh minit, cukuplah saya bercakap setakat itu dan saya sukacita menyokong peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab.

4.50 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong anggaran belanjawan Kementerian saya bagi tahun 1981 serta memberi syor-syor dan teguran-teguran yang amat membina mengenai kegiatan-kegiatan Kementerian saya dalam berbagai perkara.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengesyorkan supaya Kementerian saya mempergiatkan usaha-usaha bagi membangunkan gerakan pengguna di negara ini. Dalam hal ini, sukacita saya jelaskan di

sini bahawa Kementerian saya melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna memang sentiasa berusaha ke arah membangunkan gerakan pengguna itu. Aktiviti-aktiviti seperti mengadakan seminar, pameran, penerbitan risalah, ceramah, perbahasan dan lain-lain lagi dalam perkara konsumerisme telah diadakan. Aktiviti-aktiviti ini akan dipergiatkan lagi pada tahun depan di mana empat lagi seminar akan diadakan di empat buah negeri. Selain daripada itu satu perbahasan atas tajuk-tajuk yang berkaitan dengan konsumerisme juga akan diadakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran bagi sekolah-sekolah menengah di seluruh negara pada tahun depan. Usaha-usaha pendidikan pengguna ini akan dapat diperluaskan dengan pembelian sebuah van bergerak untuk tujuan memberi ceramah dan mengadakan pameran khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Risalah-risalah dan lain bahan bacaan juga akan diterbitkan bagi meningkatkan lagi pendidikan pengguna untuk semua rakyat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya lebih banyak undang-undang sokongan (backed-up legislation) bagi meningkatkan perlindungan-perlindungan yang diberi kepada pengguna. Untuk mencapai tujuan ini beliau mencadangkan Kementerian saya mengkaji undang-undang baru serta menyemak semula undang-undang yang sedia ada dalam bidang perlindungan pengguna ini. Di sini sukalah saya memberi ahu Ahli Yang Berhormat bahawa undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi. Sebenarnya dengan menambahkan lebih banyak undang-undang tidak bermakna pengguna-pengguna negara ini akan mendapatkan perlindungan yang lebih meluas. Sebaliknya apa yang mustahak ialah mengadakan beberapa undang-undang yang 'essential' seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Sewa Beli 1967 dan lain-lain diperkemas dan disokong oleh penguatkuasaan yang berkesan.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya Kementerian saya memperketatkan Akta Perihal Dagangan 1972, sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa cadangan ini memang telah diambil tindakan oleh Kementerian saya. Langkah-langkah sedang diambil

untuk memperkuat Akta ini supaya Akta ini dapat memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada para pengguna.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya Kementerian saya mengadakan satu Akta khusus untuk melindungi pengguna dan di mana satu Majlis Hal Ehwal Pengguna dan satu Suruhanjaya Hal Ehwal Pengguna boleh ditubuhkan di bawah Akta itu demi untuk meningkatkan lagi usaha-usaha perlindungan pengguna. Berkenaan dengan perkara ini Kementerian saya mendapati Akta seperti itu adalah tidak perlu buat masa ini kerana sebanyak 24 Akta-akta yang sedia ada telah mempunyai peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam melindungi kepentingan para pengguna. Antara undang-undang itu terdapat beberapa undang-undang di mana banyak peruntukan-peruntukan sudah pun ada bagi melindungi pengguna. Di samping itu jentera pentadbiran hal ehwal pengguna yang sedia ada didapati adalah berkesan untuk masa sekarang. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna di bawah Kementerian saya memanglah telah banyak memberi sumbangan ke arah melindungi pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mulai tahun ini Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan ini telah ditambah anggotanya supaya lebih banyak lagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang terlibat dalam perlindungan pengguna dapat diwakili dalam majlis itu. Melalui majlis ini syor-syor dan cadangan-cadangan dapat dikemukakan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang lain dan sehingga hari ini Kementerian saya mendapati jentera seperti ini adalah memadai.

Tuan Pengerusi, menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu supaya Kementerian saya memperkenalkan undang-undang yang memerlukan pengeluar-pengeluar menunjukkan tarikh akhir sesuatu barang makanan itu (shelf-life) sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Kesihatan kerana ia melibatkan aspek kesihatan.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta agar Kementerian saya membenarkan satu "Price Justification Tribunal" ditubuh dan dicubakan untuk menentukan kekesanannya. Perkara ini telahpun saya jelaskan semasa

saya menggulung perbincangan Dasar Am Belanjawan 1981 di Dewan Yang Mulia ini pada 4hb November, 1980. Kementerian saya berpendapat bahawa cubaan tersebut adalah tidak perlu kerana pengalaman-pengalaman di negara lain menunjukkan sistem itu tidaklah praktikal untuk memutuskan permohonan menaikkan harga khasnya bagi makanan-makanan utama atau barang-barang essential seperti gula, tepong dan sebagainya di mana pengeluarannya adalah bergantung kepada import bahan-bahan mentah. Kelambatan dalam memutuskan sebarang permohonan menaikkan harga akan menjejaskan bekalan di pasaran yang pada akhirnya akan menyusahkan para-para pengguna. Dalam hubungan ini ingin saya tegaskan di sini bahawa walaupun harga secawan kopi dan teh tidaklah dikawal oleh Kementerian saya tetapi sekiranya pekedai-pekedai yang berkenaan menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya tanpa alasan yang menasabah Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk mengisytiharkan barang-barang itu sebagai barang kawalan di mana harganya akan diawasi oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu juga mengesyorkan supaya diadakan 'Consumer Claims Tribunal'. Dalam hubungan ini Kementerian saya berpendapat buat masa ini Tribunal seperti itu tidaklah diperlukan kerana jentera yang ada sekarang adalah mencukupi untuk membolehkan pengguna-pengguna membuat sebarang tuntutan jika mereka ingin berbuat demikian. Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian saya memang telah dan akan terus membantu pengguna-pengguna dalam menyelesaikan apa-apa aduan dan melalui pengalaman dalam tahun-tahun yang lepas adalah didapati bilangan aduan-aduan yang dapat diselesaikan mencapai satu peratusan yang memuaskan.

Seperti tahun-tahun yang lepas Ahli Yang Berhormat itu sekali lagi menggesa supaya Kementerian saya mengawasi kesan buruk yang dibawa oleh Akta Penyelarasan Perindustrian, (I.C.A.) 1975. Menurut beliau ramai pelabur-palabur yang berasa bimbang dengan Akta itu. Sukalah saya menyatakan di sini sungguhpun pada permulaan Akta I.C.A. ini dilaksanakan terdapat kebimbangan ke atas beberapa peruntukan Akta ini tetapi akhir-akhir ini tidak terdapat rungutan-rungutan yang dilahirkan oleh pelabur-pelabur

baik dari dalam atau luar negeri mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian seperti yang diperhatikan semasa rombongan lawatan pelaburan di luar negeri dan semasa rundingan-rundingan Kerajaan dengan pihak swasta baru-baru ini. Dalam rombongan pelaburan yang saya ketuai yang melawat Amerika dan Kanada dalam 7 seminar yang mana pesertanya itu seramai lebih kurang 500 syarikat atau para pelabur tidak satupun membangkitkan kebimbangan atas I.C.A. Ini adalah membuktikan yang mana I.C.A. sekarang bukan menjadi satu halangan untuk perkembangan perindustrian di negara kita ini.

Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan adanya masalah-masalah spesifik dari segi implementasi Akta ini yang mungkin timbul. Oleh itu, sukaulah saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya sanggup merundingkan apa-apa masalah pelaksanaan yang mungkin timbul dari masa ke semasa untuk mengujudkan satu sistem pelaksanaan yang lebih kemas dan cekap.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan satu Lembaga Rayuan atau Independent Appeal Board pun telah pernah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada masa-masa lampau. Kementerian saya masih berpendapat Lembaga seperti itu adalah tidak perlu kerana peluang membuat rayuan oleh seseorang yang terlibat kepada Menteri memang ada diperuntukkan dalam Akta itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah pun juga meminta Kementerian saya menjelaskan konsep "package deal" dan menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat sehingga sekarang untuk membantu pelabur-pelabur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan sistem kelulusan secara "package deal" ialah untuk mengurangkan kelambatan-kelambatan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha dalam proses menubuhkan projek-projek perindustrian. Di bawah sistem yang dicadangkan ini, pelabur-pelabur akan dibantu dalam memohon secara serentak untuk kelulusan-kelulusan penting yang diperlukan untuk penubuhan projek-projek, seperti lesen pengilang, galangan-galangan cukai sekiranya berkenaan, jawatan-jawatan 'expatriate' (key expatriate posts) kelepasan daripada cukai-cukai kastam ke

atas bahan-bahan mentah, komponen-komponen, mesin dan alat-alat mesin dan juga perlindungan tarif.

Permohonan-permohonan ini akan dipertimbangkan serentak dan seboleh-bolehnya kelulusan yang diperlukan itu akan diberikan serentak supaya pelabur-pelabur boleh menubuhkan projek-projek mereka secepat mungkin, dan elak cara yang lama yang mana satu pelabur perlu pergi ke satu pejabat ke pejabat untuk mendapat kelulusan satu persatu.

Sistem kelulusan secara package deal pada keseluruhannya belum lagi dilaksanakan kerana ada banyak perbincangan yang masih ada berjalan dengan Kementerian saya dan Kementerian-kementerian yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pada masa ini permohonan-permohonan untuk jawatan expatriate bagi projek-projek baru dan projek-projek pembesaran di Semenanjung Malaysia adalah dipertimbangkan bersama dengan kelulusan-kelulusan untuk lesen pengilang dan galangan cukai.

Berhubung dengan kelulusan yang lain syor-syor telah dikaji dan akan dibincangkan dengan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan sebelum syor-syor itu dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang masalah bekalan dan harga gula. Saya telah menjelaskan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini pada 14hb Oktober, 1980 ketika menjawab soalan mulut dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai perkara ini. Seperti yang telah saya jelaskan keadaan kekurangan bekalan gula bukanlah berlaku di negara kita sahaja tetapi di seluruh dunia.

Masalah bahan-bahan mentah seperti gula dan banyak bahan-bahan mentah ada kadangkala naik, kadangkala turun mengikut permintaan dan pembekalan dunia "world supply and demand" dan ini seperti ahli-ahli ekonomis tahu bergerak dalam satu trade cycle. Jadi kita sekarang menghadapi satu keadaan di dunia yang mana kekurangan bekalan gula dan sebab permintaan di dunia lebih pada pengeluaran, jadi harga itu naik. Ini ialah satu hakikat yang mana kita tidak boleh menafikan.

Seperti yang saya jelaskan keadaan kekurangan bekalan gula bukan berlaku di negara

kita ini sahaja, tetapi di seluruh dunia dan sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memulihkan keadaan bekalan gula memerlukan sokongan dari orang ramai. Rakyat harus sedar bahawa dalam keadaan kekurangan di seluruh dunia semua negara-negara yang bukan pengeksport gula menghadapi masalah yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Matang mengesyorkan supaya lebih banyak lagi kilang-kilang gula ditubuhkan dan sebaik-baiknya di setiap negeri, ini bukan masalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya kilang-kilang yang sedia ada mempunyai keupayaan (capacity) yang mencukupi untuk memproses gula bagi menampung keperluan negara.

Semenjak tahun 1960an negara kita ini menggalakkan menanam tebu supaya kita boleh dapat gula mentah untuk diproses, tetapi malangnya rancangan ini tidak berkesan atau tidak berjaya sebab Malaysia bukan dari yang dikatakan sugar belt di dunia ini. Sungguhpun sekarang ada dua kilang gula integrated yang mengeluarkan 10% daripada permintaan negara kita ini, kita masih perlu mengimport 90% dari keperluan negara daripada luar negeri dan nasib baik 40% daripada permintaan ini ada dibekalkan dalam rancangan long term contract dengan Australia dan Fiji, jika tidak ada kontrak ini, kita akan menghadapi satu keadaan yang mana saya katakan harga gula mentah di dunia ini sekarang \$2,400 satu tan, bukan harga di negara kita ini dan jikalau kita import gula mentah dengan harga \$2,400 satu tan untuk diproses di negara kita ini, kita perlu membayar \$1.65 satu kati bagi gula tapis. Tetapi Kerajaan untuk mengawal inflasi telah menetapkan harga gula cuma 75 sen, ini ialah satu hakikat yang mana kalau kita hendak gula dengan seberapa banyak yang kita boleh import, boleh kita import, tetapi masalahnya ialah kalau kita import dengan harga itu, kalau tidak diberi kebenaran kepada pengilang menjual dengan harga selaras dengan harga dunia kita mesti memberi subsidi supaya pengguna-pengguna boleh dibeli dengan harga 75 sen. Ini ialah masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya dan juga oleh pengguna-pengguna. Jadi sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membolehkan keadaan bekalan gula memerlukan sokongan dari orang ramai. Rakyat harus

sedar bahawa dalam keadaan kekurangan di seluruh dunia ini semua negara pun menghadapi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mengesyorkan bekalan ataupun jualan gula dicatukan, ini ialah satu masalah yang mana saya dan saya rasa Tuan Pengerusi pun telah menghadapinya di masa Jepun yang mana kita semua dapat ration card, kena queue beli beras, gula dan sebagainya. Urusan administrative untuk mengeluarkan ration card itu dan banci semua orang untuk menentukan mereka mendapat bekalan itu ialah satu usaha yang saya rasa tidak selaras dengan apa yang kita dapat capai, bukan sahaja tidak ekonomik tetapi akan menda-tangkan banyak masalah dan catuan ini selalu dikuatkuasakan dalam masa kecemasan atau peperangan "wartime shortage" baru kita ada catuan. Jadi, saya rasa ini bukanlah satu langkah untuk mengatasi masalah ini.

Berkenaan dengan Kilang Gula Perlis yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang datang dari Perlis ada mengesyorkan Kilang Gula Perlis dibenarkan membeli gula mentah di pasaran dunia untuk ditapis semasa gula mentah negeri sendiri kehabisan, ini memang Kementerian saya sudah buat dan ada memberi kebenaran kepada kilang Gula Perlis untuk membeli gula mentah dari luar negeri.

Masalah kekurangan gula pada masa sekarang timbul sebab Kilang Gula Perlis dan juga Kilang Gula di Padang Terap di Kedah, dua buah kilang integrated dari jumlah 4 buah kilang pengeluaran yang kita ada di negeri ini, buat sementara kerana berada di luar musim menuai, jadi tidak ada tebu untuk ditapis. Di samping itu terdapat juga pemborong-pemborong yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang memburukkan lagi keadaan ini. Setengah-setengah dari mereka ini telah didapati menjual bekalan mereka kepada pihak-pihak tertentu secara "black market". Ramai orang telah membuat aduan, mereka membeli gula daripada pemborong tetapi pemborong kata bekalan daripada kilang telah dikurangkan tetapi apabila kita buat pemeriksaan, bekalan daripada pengilang ini tidak ada kurang dan amalan-amalan seperti ini saya rasa ialah satu punca yang mana bekalan dalam peredaran (distribution system) itu terganggu. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya

telah mengambil tindakan tegas dalam perkara ini. Baru-baru ini 4 kedai borong dan 13 kedai runcit telah diambil tindakan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Lesen-lesen mereka telah digantung sehingga keputusan mahkamah diketahui.

Untuk mengatasi kedudukan gula yang dihadapi sekarang Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk membenarkan kilang-kilang gula mengimport gula bukan kepada lain pihak, cuma kilang-kilang gula mengimport gula-gula bertapis untuk menampung keperluan negara dan pengimportan ini dibuat sehingga kilang-kilang "Bersatu" itu mengeluarkan semula gula-gulanya. Tetapi seperti yang saya katakan tadi kalau kita hendak import gula dari luar negeri, Kerajaan mesti buat satu keputusan, kalau kita hendak mengstabilkan harga itu, Kerajaan mesti memikul sedikit sebanyak subsidi atas harga yang akan dibayar kepada gula yang akan diimport.

Di samping itu Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya akan mengadakan satu cara pengawasan dan pengawalan yang ketat untuk menentukan bekalan gula yang diimport ini benar-benar sampai kepada pengguna dan tidak ada penyelewengan dilakukan oleh mana-mana pihak. Dan lagi kita tahu di Sabah dan Sarawak ada kadangkala masalah berkenaan dengan pengangkutan khususnya pengangkutan kapal dan sekarang Kementerian saya mengkaji sama ada kita boleh menubuhkan satu stokpail pula di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan juga kawalan bagi memenuhi permintaan-permintaan di negeri-negeri itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai juga menyatakan orang ramai menghadapi kesuahan untuk mendapat surat-surat kuasa untuk menyimpan dan membeli gula untuk menampung keperluan mereka seperti penjual-penjual kuih-muih, di sini sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu iaitu Kementerian saya telah mengarahkan semua cawangan-cawangan Bahagian Penguatkuasa supaya memproses permohonan-permohonan mendapatkan surat-surat kuasa dan lesen-lesen itu dengan lebih cepat lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan perkara mengenai penyeludupan gula ke negara-negara lain di kawasan

sempadan, sukacita saya maklumkan di sini bahawa tindakan sekatan jalan (road block) telah diatur dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara untuk mengawasi kegiatan ini. Tetapi penyeludupan ini berlaku bukan secara besar-besaran tetapi secara yang mana penduduk-penduduk di kawasan sempadan itu pergi ke negeri Thailand bawa 3 kati—5 kati seorang dan kalau dia duduk dalam keretapi, susahlah kita hendak tahan jika dia kata gula yang 3 kati—5 kati ini adalah untuk kegunaan sendiri. Tetapi kalau kita kira satu orang bawa 3 kati ke 5 kati—satu hari 200 orang, sudah 1,000 kati. Ini ialah satu cara yang mana gula ini telah diseludup ke negeri jiran sebab harga kita ini lebih rendah jika dibandingkan dengan harga yang ada di negeri jiran.

Untuk menentukan penguatkuasaan undang-undang sebab ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan Pegawai Penguatkuasa tidak cukup jadi kalau bilangannya tidak cukup, Kementerian saya tidak boleh menjalankan tugas mengawasi dan mengawal kegiatan penyeludupan atau amalan yang tidak sihat, mengawal harga itu dengan lebih berkesan. Sukalah saya mengatakan pada masa ini Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya hanya mempunyai 109 Merinyu atau pegawai di field level dan 16 cawangan dalam seluruh Malaysia. Tetapi bagi tahun hadapan (1981) bilangan Merinyu ini akan ditambah kepada 577 orang (lima kali ganda) dan bilangan cawangan akan ditambah lagi 7 buah iaitu di Sungei Petani, Kedah; Teluk Anson, Perak; Keluang, Johor, Temerloh, Pahang; Kuala Krai, Kelantan, Kemaman, Trengganu; dan di Bintulu, Sarawak dan tindakan-tindakan untuk mengambil Merinyumerinyu ini telahpun bermula. Saya yakin bahawa dengan ada ramai pegawai itu kita boleh menjalankan usaha mengawasi dan mengawal harga itu dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kakitangan-kakitangan di dua projek TDC yang masih berupa kakitangan sementara iaitu projek Bukit Nanas dan Batu Caves seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu iaitu mereka ini telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan itu ketika projek-projek itu dilaksanakan dengan tujuan-tujuan yang spesifik. Kementerian saya kini sedang mengkaji kemungkinan mengekalkan projek-projek

itu. Dan jika projek-projek itu dikekalkan kemungkinan kakitangan-kakitangan di kedua-dua projek itu akan menjadi kakitangan tetap akan menjadi cerah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyatakan bahawa peruntukan bagi Bahagian Penyertaan Bumiputra dan ini juga disuarakan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Bahagian Penyertaan Bumiputra, dan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan peruntukan dikurangkan berbanding dengan peruntukan yang telah diberi pada tahun 1980 dan mencadangkan supaya peruntukan yang lebih banyak diberi bagi membolehkan Bahagian itu memperluaskan kegiatannya. Kenyataan Ahli Yang Berhormat ini adalah tidak begitu tepat kerana bagi tahun 1981 pada keseluruhannya peruntukan yang dipohon bagi Bahagian ini ialah sebanyak \$864,000 berbanding dengan \$682,700 yang diluluskan dalam tahun 1980. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu juga, kegiatan Bahagian ini akan diperluaskan dengan menubuhkan sebuah cawangan lagi di Kuantan dalam tahun 1981.

Berkenaan dengan penyertaan bumiputra dalam pengedaran barang-barang yang dipasarkan di pasaran tempatan, sukacita saya maklumkan di sini sungguhpun dalam beberapa jenis barangan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan juga disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh, dari Semerah, dari Kangar, dari Jerai dan juga Batang Lupar, peratusan pengedar-pengedar bumiputra adalah kira-kira tidak kurang daripada sasaran yang ditetapkan iaitu 30% sahaja namun dalam beberapa barangan yang lain seperti simen peratusan pengedar-pengedar bumiputra telah melebihi 50% dan besiwaja 45%. Jadi ada setengah barang bawah daripada 30% tetapi ada juga lebih daripada 30% sampai kadar 50%. Meskipun matlamat Bahagian Penyertaan Bumiputra ialah untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada pengeluar-pengeluar hendaklah terdiri daripada bumiputra namun ia akan sentiasa menggesa syarikat-syarikat pengeluar untuk melantik lebih ramai bumiputra untuk mengedarkan barangan mereka jika didapati bumiputra berkemampuan untuk mengendalikannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, dari Jerai dan dari Ulu Muda telah mencadangkan supaya Bahagian Penyertaan Bumiputra diberi kuasa-kuasa yang perlu bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya memang menyedari bahawa Bahagian Penyertaan Bumiputra tidak mempunyai kuasa untuk melantik pengedar-pengedar Bumiputra. Kuasa perlantikan ini terpulung kepada syarikat masing-masing. Walaupun begitu Syarikat-syarikat pengeluar adalah dikehendaki untuk berunding dengan Bahagian itu apabila hendak melantik pengedar Bumiputra. Dalam hal ini Kementerian mendapati bahawa kebanyakan Syarikat-syarikat peneeluar telah memberikan kerjasama mereka kepada Bahagian ini dalam usaha mencapai matlamatnya. Walaupun begitu, saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ada Syarikat-syarikat pengeluar yang enggan memberi kerjasama dengan Bahagian tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga mencadangkan supaya Bahagian Penyertaan Bumiputra mengadakan mesyuarat dengan semua pengedar-pengedar bumiputra bagi mengetahui masalah mereka dan cuba mengatasinya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Penyertaan Bumiputra dari masa ke semasa menziarah Syarikat-syarikat berkenaan untuk cuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu Bahagian tersebut telah juga menghantar borang-borang soal selidik kepada syarikat-syarikat bumiputra yang berkenaan untuk mengetahui masalah-masalah mereka supaya tindakan dapat diambil untuk menyelesaikannya dengan syarikat-syarikat pengeluar. Adalah dirasakan langkah-langkah ini adalah mencukupi bagi menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat bumiputra. Selain daripada itu Bahagian ini juga telah mempunyai program-program mengadakan perbincangan atau dialog dengan tiap-tiap Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Peniaga-penaja di semua Negeri untuk tujuan tersebut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan perkara mengenai dasar Perindustrian Negara kita ini. Dia bertanya dasar perindustrian ini

adakah dikaji dari masa ke semasa dan bagaimana rancangan perindustrian boleh di bawa ke luar negeri. Sukalah saya menyatakan di sini Kementerian saya, khususnya MIDA memang sudah dan sedang mengkaji dari masa ke semasa kemajuan yang dicapai di kalangan perindustrian dan dasar menyelerakan perindustrian ini ke kawasan yang kurang maju boleh dikatakan memuaskan sebab pada tiga tahun yang lepas peraturan projek-projek yang diluluskan oleh Kementerian saya boleh dikatakan lebih daripada 50%. Saya rasa tahun 1979 55% dari jumlah projek ini adalah terletak di kawasan yang kurang maju.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telah maju mula-mula dari Dasar Import Substitution sampai dasar yang mana kita mengadakan export orientated dan pada masa ini di banyak tempat kita mengalami kekurangan tenaga dan kita sekarang menggalakkan industri yang lebih sophisticated, industri yang dikatakan berat (heavy industries) dan ini selaras dengan dekad 80an yang mana kita mengemukakan ini ialah dekad yang dikatakan rasource based industrialisation. Kemajuan perindustrian berperingkat-peringkat telah membawa kesan yang begitu memuaskan bukan sahaja mengwujudkan peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia kita ini mencapai kemahiran, tetapi juga kita dapat teknologi baru, teknologi pengetahuan di dalam banyak bidang.

Mengenai memorandum dari Gabungan Perdagangan dan Perindustrian Cina (ACCI) mengenai ketetapan yang dibangkitkan dalam Kursus Ekonomi Masyarakat Cina itu pada masa yang lalu, jawapan ini telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dan saya rasa tidak payah saya hendak tambah lagi. Tetapi satu soal yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka apakah langkah diambil untuk menggalakkan kaum Cina mengambil bahagian lebih giat dalam perindustrian, sukalah saya menyatakan di sini Kementerian saya selalu ada berdialog dengan pihak swasta baik kaum Cina, kaum Melayu baik di dalam negeri dan di luar negeri dan saya rasa dalam dialog ini kita dapat feed-back mengenai langkah-langkah dan undang-undang dan saya rasa ini dijalankan bukan sahaja dengan Persatuan Perniagaan tetapi juga dengan badan-badan yang boleh melepaskan cadangan untuk memperbaiki suasana pelaburan negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyatakan yang mana kita dalam proses mengkaji kenaikan harga, kenapa ada contoh seperti simen dan gula, Kementerian meluluskan kenaikan harga adakah kita memandangkan hakikat kilang itu telah memperolehi keuntungan yang besar.

Suka saya nyatakan di sini apabila kita mengkaji satu permohonan kenaikan harga kita meneliti dari semua segi kos pengeluaran, bahan-bahan mentah, fuel energy cost, kos buruh dan sebagainya. Kita pun memeriksa akaun-akaun dengan teliti dan jika puas hati kenaikan harga itu tadi boleh diserap oleh kilang-kilang itu barulah kita luluskan kenaikan harga. Kerap kali dalam jawapan saya di Dewan yang mulia ini saya pun telah memberi tanda-tanda yang sampai ke peringkat yang mana syarikat itu tidak boleh menampung atau boleh menyerap kerugian. Kalau kita tidak meluluskan kenaikan harga akibatnya ialah pengeluaran akan putus ataupun dikurangkan dan ini akan timbul masalah yang besar. Saya suka katakan di sini kalau kita ambil contoh simen dan gula pada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, banyak kilang telah menunjukkan akaun yang mana kalau kita terus berjalan seperti ini kilang itu akan menghadapi kerugian yang besar. Ini ialah satu hakikat yang mana Kerajaan telah mengawal inflasi dengan mengadakan harga yang seberapa rendah yang boleh. Tetapi kita tidak boleh lari daripada hakikat jika kos pengeluaran yang bertambah seperti simen, satu unsur yang besar dalam kos pengeluaran simen ialah harga fuel oil dan jika harga fuel oil bertambah dari masa ke semasa harga yang kita tetapkan pada masa yang lampau tidak boleh diserap oleh pengilang-pengilang. Ini ialah satu perkara penting yang kita ambil perkiraan apabila kita meluluskan kenaikan harga.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyentuh perkembangan dan kemajuan small scale industry dan perniagaan kecil. Di sini sukalah saya menyatakan saya telahpun memberi satu jawapan di Dewan yang mulia ini baru-baru ini yang mana Kementerian saya akan menubuhkan lagi satu bahagian khususnya untuk perusahaan dan peniaga-peniaga kecil. Tujuan atau tugas bahagian ini bukan sahaja

menyelaraskan kegiatan yang sedang dijalankan oleh berbagai Jabatan dan Kementerian terhadap perusahaan kecil dan peniaga-peniaga kecil tetapi saya yakin akan boleh memberi bantuan baik secara langsung atau tidak langsung, dan juga mengambil tindakan (initiate) untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan peniaga-peniaga kecil. Usaha untuk menubuhkan bahagian ini pun sedang dijalankan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, ini boleh memberi satu konsep payung (the umbrella concept) yang boleh memperjuangkan nasib perindustrian ataupun perusahaan dan peniaga-peniaga kecil. Bagi entrepreneur development yang mana kita menanamkan kemahiran untuk berniaga (entrepreneurship) khusus, di kalangan bumiputra, NPC dalam beberapa tahun yang lepas ada menganjurkan kursus entrepreneur development. Dengan ini boleh dikatakan banyak ahli-ahli dari bumiputra pun dapat menjalankan perniagaan dengan pengetahuan yang didapati daripada kursus itu.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah menyatakan mengenai pameran perdagangan (trade fair) yang Kerajaan kita adakan di berbagai negara dan juga mengenai tempat yang kita ada Suruhanjaya Perdagangan. Barangkali window dressing yang dikatakan iaitu hiasan atau menyiapkan bilik pameran di pejabat itu tidak berkesan.

Sukalah saya menyatakan di sini pada tahun 1981 iaitu tahun depan Kementerian saya akan mengadakan satu rancangan untuk menghias dan menyediakan bilik pameran bagi 8 buah pejabat Perdagangan Malaysia iaitu di Bangkok—Thailand, Singapura, Vienna—Austria, New York, Jeddah—Saudi Arabia, Jakarta—Indonesia, Milan—Itali dan di London—United Kingdom.

Tujuan projek ini ialah untuk menyediakan bilik pameran yang sempurna di mana barang-barang buatan Malaysia untuk eksport dapat dipamerkan secara berkesan dan menarik serta teratur sesuai dengan imej sebuah Pejabat Perdagangan. Tiap-tiap bilik pameran akan dihias seberapa yang boleh dengan bahan-bahan hiasan kayu, mengkuang, rotan, ukiran, lukisan-lukisan, hamparan, tikar buatan Malaysia untuk menunjukkan kegunaan dan teknik bahan-bahan eksport Malaysia.

Perabut-perabut dan alat-alat buatan Malaysia akan juga digunakan, untuk mempraktikkan barang-barang eksport. Kita juga menggunakan seorang pakar hias (interior decorator) dari Malaysia untuk memberi imej Malaysia dalam hiasan bilik-bilik pameran itu. Ini ialah langkah bagi membaiki keadaan-keadaan di tempat-tempat itu.

Berkenaan dengan pemberhentian satu kilang berlian di Kelantan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan kilang itu terpaksa berhenti kerana modal pusingan tidak cukup diakibatkan oleh recession yang dihadapi oleh industri berlian di dunia. Kita pun sangat bangga sebab kilang berlian ini ialah sebuah kilang yang mempunyai pekerja-pekerja yang ramai sekali di dunia bukan sahaja di Malaysia; di dunia, 700 pekerja diamond cutting yang mana pada tiga tahun dulu saya rasa tidak seorang pun di Malaysia yang tahu tentang diamond cutting. Kita ada 700 pekerja di sana dan untuk menyelamatkan kilang ini supaya tidak tutup secara permanent kita telah berunding dan sekarang ada sebuah syarikat Malaysia yang akan menanam modal untuk menyelamatkan kilang ini supaya bukan sahaja kita boleh memberi pekerjaan kepada orang-orang yang telah bekerja itu tetapi kita akan mengekalkan kemahiran dan pengetahuan diamond cutting yang ada di kalangan masyarakat Malaysia.

Saya rasa, saya telah menjawab banyak perkara yang dibangkitkan dan jika ada apa-apa yang saya tidak dapat menjawabnya satu persatu, silalah Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian saya dan saya boleh memberi jaminan bahawa segala cadangan dan syor-syor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya dan lagi sekali sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa Maksud Bekalan B. 27 dan Maksud Pembangunan P. 27 dikemuka bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$85,945,900 untuk Maksud B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada

Jadual; dan wang sebanyak \$5,829, 246 untuk Maksud P. 27 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan.

*Maksud B. 28 dan B. 29 (Jadual)—*

*Maksud P. 28 dan P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Majlis akan menimbang dan membahaskan Anggaran Belanjaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Maksud B. 28 dan B. 29 dan Maksud P. 28 dan P. 29 dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Panti.

5.42 *ptg.*

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 28 muka surat 231, Program (1) (a) Pentadbiran Am.

Di sini, Belia dan Sukan ini memandangkan Pegawai-pegawai Kebudayaan Daerah haruslah ditambah oleh kerana sebagaimana yang kita tahu penduduk Malaysia sekarang ini ialah 60% daripadanya adalah terdiri daripada belia-belia. Apa yang dapat saya lihat pada hari ini perjalanan Pejabat-pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah tidak mencukupi kakitangan kerana dia juga sebagai Pegawai Kebudayaan dia juga sebagai Pegawai Sukan dan tidak ada pembantu langsung di peringkat daerah. Jadi, saya cadangkan supaya pegawai-pegawai ini ditambah, adakan khas pegawai yang menyelenggara Bahagian Sukan sahaja dan adakan pegawai yang menyelenggara Bahagian Kebudayaan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, selalunya Pejabat-pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah ini selalu mendapat kesulitan berkenaan dengan hendak mengadakan tempat-tempat sukan, kerana mereka tidak ada peruntukan untuk dapat membeli tanah dan sebagainya. Dia hanya mengharapkan penurunaan daripada tanah-tanah Kerajaan sedangkan di dalam kawasan bandar umpamanya sudah tidak ada lagi kawasan-kawasan yang boleh dipohon iaitu kawasan-kawasan yang dipunyai oleh Kerajaan, terpaksa mencari tanah yang 10 batu atau 12 batu daripada bandar, ini menyulitkan. Saya harap Pejabat-pejabat Kebudayaan, Belia dan

Sukan Daerah ini diberi peruntukan lebih kalau perlu diberi peruntukan untuk membeli tanah.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh B. 28 juga muka surat 232 berhubung dengan Program (2) (d) Penyelidikan Kebudayaan.

Pada masa soal jawab Dewan telah juga dibangkitkan masalah kebudayaan nasional. Saya harap melalui Penyelidikan Kebudayaan ini biarlah kebudayaan kita ini nanti benar-benar mencerminkan kebudayaan Malaysia, bukan sahaja daripada keadaan penduduk yang berbilang bangsa tetapi apa yang penting dan perlu dijadikan ukuran untuk kebudayaan kita nanti ialah kebudayaan nasional yang berteraskan kepada kebudayaan Melayu. Oleh kerana kita tidak mahu satu masa nanti dianggap kebudayaan kita ini kebudayaan yang campur aduk yang tidak tahu hujung pangkalnya dan mana pihak yang mencadangkan supaya kebudayaannya dimasukkan dalam kebudayaan nasional, ini akan menjejaskan kebudayaan nasional kita sebagai Malaysia lebih-lebih lagi kita mengisytiharkan dan dunia boleh dikatakan sudah tahu bahawa negara kita ini negara Islam. Kebudayaan Melayu walaupun ada di antaranya bertentangan dengan Islam tetapi masih banyak kebudayaan kita orang Melayu yang bersesuaian yang diharuskan oleh ugama Islam. Saya cadangkan kepada Kementerian ini, di dalam bidang penyelidikan kebudayaan ini supaya benar-benar, supaya berhati-hati, supaya becermat untuk memasukkan—men-senaraikan mana satu kebudayaan nasional.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh berkenaan dengan P. 28, muka surat 254, Butiran 14—Rancangan Belia Niaga dan Butiran 17—Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil.

Tuan Pengerusi, apabila saya perhatikan peruntukan bagi Program ini hanya token sahaja dan berbanding pula dengan Butiran 17—Rancangan Pembangunan Kemudahan untuk Bandar-bandar Kecil, di dalam tahun 1980; di sini dicatatkan peruntukan yang telah dipohon sebanyak \$4,500,000 tetapi bagi tahun 1981 saya merasa hairan sedikit kenapa peruntukannya terlalu kecil dipohon hanya \$1,493,000. Sepatutnya semakin tahun semakin banyak peruntukan dimohon, bukan

semakin kecil. Ini kalau kita hendak maju tentulah kalau tahun sudah kita pohon \$4 juta sekurang-kurangnya tahun ini kita pohon \$5 atau \$6 juta. Begitulah yang dibuat oleh Kementerian-kementerian lain. Tetapi saya pelik sedikit, saya tengok tahun sudah \$4,500,000 dan tahun ini hanya tinggal \$1,493,000.

Tuan Pengerusi, kalaulah benar, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan waktu menjawab nanti, saya difahamkan pada tahun lalu tidak banyak Pegawai-pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah mengemukakan tuntutan-tuntutan untuk kegiatan-kegiatan sukan dan kebudayaan daerah sehingga wang ini tidak dapat dibelanjakan atau tidak sempat dibelanjakan. Saya berharap supaya Kementerian ini mulai daripada tahun hadapan menyelidiki, mana-mana pegawai, saya bimbang pegawai-pegawai ini; saya tidak menuduh mereka tidak menjalankan tugas, tetapi amat terasa kekurangan di peringkat daerah, amat terasa kekurangan tempat-tempat, gelanggang-gelanggang yang mana pada kebanyakannya didirikan secara sukarela atau bantuan-bantuan daripada mana-mana punca negeri ataupun peruntukan-peruntukan Wakil-wakil Rakyat.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya sendiri di Kota Tinggi sehingga hari ini tidak ada satu pun mini stadium yang sepatutnya digunakan oleh belia-belia kita untuk permainan di situ dan saya tidak tahu sama ada Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah di kawasan saya pada tahun sudah ada mengemukakan tuntutan kepada Kementerian ini atau tidak. Tetapi apa yang saya tahu sehingga hari ini tidak ada mini stadium ataupun kemudahan-kemudahan sukan yang diperuntukkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini.

Di sini saya sukalah mencadangkan bagi tempat saya, saya pohonlah dalam tahun 1981 ini supaya diberi peruntukan bagi kemudahan-kemudahan sukan. Tetapi apabila saya lihat peruntukan yang begini kecil, \$1,450,000 dan ini pula diperuntukkan kepada seluruh negara saya percaya kalau \$1 juta lebih ini untuk negeri Johor sahaja atau untuk Kota Tinggi sahaja saya percaya ini akan dapat membuat satu mini stadium kerana harga membuat satu mini stadium bukan dapat dengan \$50,000 atau \$60,000, beratus ribu

ringgit. Jadi saya cadangkan kepada Kementerian ini kalaulah peruntukan tahun sudah itu tak habis dibelanjakan, mohon revotekan untuk tahun ini, untuk kita belanjakan pada tahun ini. Kemungkinan pegawai-pegawai pada tahun sudah tidak pandai hendak menggunakan wang begitu banyak kita harapkan dengan pertambahan pegawai pada tahun ini akan ada pegawai-pegawai yang lebih dedikasi, lebih mementingkan keadaan di daerah di mana kemudahan-kemudahan sukan itu jarang atau payah didapati.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.51 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, pertamanya saya suka merujuk muka surat 233, Program (4) Program Sukan, (b) Penggalakan Sukan dan Riadah dan (c) Pemajuan Sukan.

Atas perkara perkembangan sukan saya hendak bercakap mengenai kemerosotan mutu sukan di negara kita. Pada masa sekarang minat orang ramai di dalam bidang sukan sedang berkembang dan telah meningkat dengan pesatnya. Akan tetapi dengan kesalnya saya memperhatikan bahawa mutu sukan kita pun telah merosot di Pertandingan Antarabangsa seperti yang kita dapataksikan, misalnya dalam Badminton, Bola Sepak, Olah Raga dan lain-lainnya. Saya suka mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengadakan satu kajian khas tentang kemerosotan mutu sukan di negara ini. Tujuan kajian menyeluruh ini ialah untuk mencari kelemahan-kelemahan kita dan sebab-musabab mutu sukan kita telah merosot.

Pada pandangan saya kemerosotan ini ialah disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertamanya boleh dikatakan bahawa kemudahan-kemudahan sukan adalah sangat kurang di negara kita berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di negara lain. Peruntukan yang lebih banyak adalah perlu untuk mengadakan kemudahan-kemudahan sukan yang lebih banyak. Usaha-usaha mestilah diambil untuk membina lebih banyak lagi kompleks sukan, tempat-tempat

berlatih sukan seperti padang-padang sukan dan dewan-dewan sukan di tiap-tiap negeri supaya ahli-ahli sukan dapat berlatih sepanjang tahun. Kompleks Sukan yang ada sekarang di Kampung Pandan, Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi. Lebih banyak peruntukan hendaklah diluluskan untuk membina lebih banyak kompleks sukan bagi tujuan melatih ahli-ahli sukan. Dengan ini kita dapat mengeluarkan banyak ahli-ahli sukan yang bertaraf antarabangsa dan kejayaan mereka di arena sukan akan menaikkan imej negara kita. Bukan sahaja tempat-tempat sukan hendaklah disediakan di bandar, akan tetapi kemudahan-kemudahan sukan ini juga hendaklah disediakan di kawasan luar bandar seperti kampung-kampung, kampung baru, estet-estet. Dengan adanya padang-padang sukan ini di luar bandar dan kemudahan-kemudahan yang lain ini boleh membantu belia-belia kita untuk menumpukan perhatian mereka dalam sukan dan mereka tidak akan dipengaruhi oleh masalah yang buruk seperti masalah dadah.

Salah satu perkara lain yang menyusahkan ahli-ahli sukan kita ialah tentang kesusahan mereka untuk mendapat cuti dan gaji dan lain-lain kemudahan daripada pihak majikan mereka apabila mereka hendak mengambil latihan. Kerajaan patutlah mengemukakan galakan-galakan kepada ahli-ahli sukan kita seperti elaun khas kerana ahli-ahli sukan kita bukanlah orang-orang yang bergaji besar. Maka saya harap dengan kesungguhan Kerajaan untuk mengadakan satu kajian menyeluruh kita dapat mencari sebab-musabab tentang kemerosotan mutu sukan kita dan apa yang hendak dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, mengenai pembangunan sukan saya menitikberatkan tentang bagaimana mustahaknya bagi pihak Kerajaan menyalurkan persahabatan dan perasaan muhibbah antarabangsa melalui sukan. Dalam hubungan ini saya merasa gembira kerana dapat melihat bahawa dalam Pesta Bola Merdeka Ke 24 yang berlanesung baru-baru ini ada 11 buah negara yang telah dijemput untuk menyertai pertandingan itu. Akan tetapi apa yang mengecewakan peminat-peminat Bola Sepak Malaysia ialah sikap pihak Kementerian berkenaan terhadap Negeri Republik Rakyat China sebagai salah satu negara yang telah dijemput oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk menyertai Pesta Bola

Merdeka Ke 24 itu. Menurut Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia, Persatuan itu telah menjemput Negeri China pada bulan Januari, 1980 untuk mengambil bahagian dan Negeri China pun telah menjawab untuk menyertai pesta ini dalam bulan Mac, 1980. Menurut apa yang saya ketahui Persatuan Bola Sepak Malaysia telah menulis kepada pihak Kementerian pada 27hb November, 1979 untuk memaklumkan bahawa Negeri China akan dijemput untuk menyertai pesta itu, akan tetapi Kementerian nampaknya tidak memberi apa-apa jawapan sehingga 18hb September, 1980 dan pada tarikh itu Pengarah Sukan Kementerian memaklumkan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia bahawa selepas pertimbangan yang serius Kementerian telah memutuskan menolak permintaan Persatuan untuk menjemput Negeri China atas sebab-sebab teknikal, akan tetapi Kementerian tidak menjelaskan apakah masalah teknikal yang dimaksudkan itu. Sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri pun masih belum memberi satu penjelasan yang wajar.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat menjawab perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Peminat-peminat bola sepak dan orang ramai keseluruhannya ingin tahu mengapakah selepas sesebuah negara itu telah dijemput dan negara berkenaan telah pula menerima jemputan itu tetapi kemudiannya diberitahu negara yang berkenaan tidak dibenarkan hadir. Adakah keputusan Kementerian melibatkan faktor-faktor politik? Saya ingin tahu sama ada keputusan itu adalah satu keputusan Kementerian ataupun keputusan Kabinet. Saya rasa bahawa adalah tidak betul untuk kita mencampurkan politik dengan sukan. Saya suka mendapat tahu sama ada keputusan itu dibuat kerana jemputan itu bertentangan dengan dasar Kerajaan kerana Negeri Republik Rakyat China adalah sebuah negara komunis. Saya merasa kesal perkara ini ada berlaku dan saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa Negeri China tidak dibenarkan menyertai Pesta Bola Merdeka itu. Kita semua sedar bahawa melalui sukan persahabatan, kerjasama dan persefahaman boleh diwujudkan. Saya tidak tahu mengapa perkara ini ada berlaku.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, sekiranya Republik Rakyat China dibenarkan menyertai pertandingan ini ianya boleh menarik lebih

ramai peminat bola dan dengan ini membolehkan Persatuan Bola Sepak Malaysia mengutip lebih banyak keuntungan yang boleh digunakan untuk meningkatkan mutu kesukanan di negara ini. Saya tidak faham kenapa Negeri China dibenarkan menyertai Pertandingan Tennis Meja (Table Tennis) di Kuala Lumpur tidak lama dahulu dan di Pesta Pertandingan Bola Merdeka mereka tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka berucap sedikit mengenai Pusat Latihan Belia Dusun Tua muka surat 232.

Tuan Pengerusi, saya mengamati bahawa pengambilan belia-belia untuk menjalani latihan ke Pusat Belia Dusun Tua tidak membayangkan komposisi kaum yang terdapat di negara kita kerana pengambilan yang ada sekarang hampir keseluruhan adalah terdiri daripada satu kaum sahaja dan memandangkan ini saya suka mencadangkan supaya Pusat ini membuka pintunya untuk membolehkan belia-belia dari semua kaum lain yang hendak diambil masuk ke dalam Pusat Latihan itu.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka berucap di bawah Maksud B. 28, muka surat 232, Program (2) Program Kebudayaan, (c) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan.

Di sini saya ingin mengemukakan satu perkara yang pada pandangan saya adalah mustahak di dalam usaha untuk menimbulkan integrasi kebangsaan melalui kebudayaan. Perkara ini ialah berkenaan dengan demokrasi kebudayaan ataupun dalam bahasa Inggeris cultural democracy.

Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan pelbagai kebudayaan tiap-tiap kaum di negara kita patutlah diberi peluang yang cukup untuk membangun dan menggalakkan kebudayaan masing-masing supaya mereka dapat menyumbang ciri-ciri kebudayaan tradisi mereka kepada pengwujudan kebudayaan kebangsaan atau kebudayaan nasional di negara kita.

Pada pandangan saya, kebudayaan nasional untuk negara kita hanya dapat dicapai melalui sumbangan kebudayaan daripada tiap-tiap kaum yang bermastautin di sini. Suka saya menegaskan di sini bahawa hanya

melalui demokrasi kebudayaan maka kita boleh menentukan pengwujudan kebudayaan nasional.

Demokrasi kebudayaan bererti bahawa tiap-tiap kaum di negara kita haruslah diberi peluang untuk mengamalkan tradisi kebudayaan masing-masing sesuai dengan Perlembagaan dan semangat Rukun Negara.

Untuk rakyat Malaysia keturunan Cina, Tarian Singa dan Naga dan Seni Silat Kung-Fu merupakan sebahagian kebudayaan tradisi mereka. Adalah menjadi hasrat kaum Cina yang lebih kurang 5 juta orang bahawa Tarian Singa, Naga dan Seni Silat Kung Fu dapat diterima dan diiktirafkan sebagai sebahagian kebudayaan nasional di negara ini.

Saya merasa dukacita mengapa Kerajaan sehingga hari ini tidak dapat mengambil satu sikap dan pendekatan yang positif mengenai pendiriannya mengenai Tarian Singa dan Seni Silat Kung Fu.

Saya juga merasa kesal bahawa sungguhpun Tarian Singa sentiasa dimain, dilatih dan dipertunjukkan oleh badan-badan kebudayaan Cina yang berdaftar dan sentiasa dituniuk di upacara-upacara untuk menyambut Menteri-menteri khasnya Menteri-menteri dari MCA, akan tetapi pertunjukkan Tarian Singa ini belum dianggap dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebahagian kebudayaan nasional.

Sebagai contoh, baru-baru ini bila negara dan rakyat merayakan Hari Kebangsaan, rakyat di seluruh negara dipertunjukkan dengan berbagai-bagai kebudayaan rakyat termasuk kebudayaan Orang Asli di negeri Sabah dan Sarawak tetapi malangnya rakyat tidak ditunjukkan dengan Tarian Singa sebagai satu acara dalam program perayaan. Adakah ini bermakna pertunjukan Tarian Singa ini dianggap sebagai pertunjukan yang bertentangan dengan dasar kebudayaan nasional kita dan oleh kerana ini tidak boleh diterima sebagai satu acara dalam program perayaan Hari Kebangsaan. Saya hendak mendapat penjelasan Kerajaan dalam hal ini.

Walau bagaimanapun, saya suka mengambil kesempatan ini menggesa Kementerian khasnya Menteri supaya menekahi semula sikap dan pendekatannya terhadap permintaan rakyat Malaysia keturunan Cina yang berkehendakkan Tarian Singa dan Seni Silat

Kung Fu diterima sebagai sebahagian kebudayaan nasional kita. Suka saya menegaskan di sini bahawa cadangan saya ini adalah sesuai dengan aspirasi-aspirasi rakyat Malaysia keturunan Cina di negara kita dan apa yang lebih penting ialah oleh sebab Malaysia ialah sebuah negara berbilang bangsa dan berbagai ciri kebudayaan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.05 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, pertama saya suka menyentuh muka surat 232, Butiran 1100, Program (3) Program Belia.

Tuan Pengerusi, sejak kemerdekaan Malaysia selama 23 tahun satu kesilapan yang paling besar yang didapati dalam dasar pelatihan pemimpin-pemimpin belia di negara kita di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah Kerajaan sudah kelalaian bagaimana untuk mencari satu jalan yang paling berkesan untuk melatih, memupuk, membimbing belia kita sebagai negarawan pada masa akan datang.

Saya memberikan satu contoh yang paling baik sekali ialah selama 23 tahun setelah mencapai kemerdekaan negara kita tidak pernah mengadakan satu dasar belia yang boleh mengeluarkan, dengan izin, produce pemimpin-pemimpin belia yang diageap belia yang paling cemerlang untuk tiap-tiap tahun di negara kita.

Kalau kita mempelajari cara negara-negara maju atau cara negara-negara di Asia yang mengeluarkan atau satu cara untuk menyalak belia mempertunjukkan kebolehan, kesempurnaan dan kualiti kepimpinan mereka ialah tiap-tiap tahun negara mereka mengadakan satu pertandingan tingkat untuk sepuluh atau dua puluh pemuda-pemuda, pemuda-pemudi yang paling cemerlang dalam semua bidang baik di bidang sukan, pertahanan, ekonomi, pelajaran, kesusasteraan dan kebudayaan atau lain-lainnya. Tetapi di negara Malaysia ana sebab satu dasar tidak boleh diwujudkan di mana pemuda-pemudi boleh dialakkan untuk menunjukkan kalibar, kebolehan mereka di bidang-bidang tertentu.

Saya memberikan satu contoh yang baik ialah di negeri Taiwan, tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya ada sepuluh orang belia yang dihakim oleh negara sebagai golongan belia yang paling cemerlang di negara mereka baik di bidang kesusasteraan, kebudayaan, pelajaran dan lain-lain. Saya yakin kalau Malaysia boleh mencontohi negara-negara yang saya sebutkan tadi tentu ianya boleh mengadakan lebih ramai belia yang bermasa depan yang cemerlang untuk membimbing negara kita. Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh mempertimbangkan cadangan saya untuk mewujudkan atau mengadakan satu dasar yang baru di mana satu pertandingan boleh diadakan di Malaysia tiap-tiap tahun umpamanya sepuluh atau dua puluh orang belia yang paling cemerlang dan paling baik sekali dari satu pertandingan yang hebat kemudian dihakimi oleh Kementerian Kebudayaan, supaya mereka boleh memberikan satu perangsang atau galakan yang paling bernilai untuk mereka bersaing antara satu sama lain. Saya harap dasar ini boleh diwujudkan pada tahun depan supaya kita boleh lihat satu tahun Malaysia ada sekurang-kurangnya dua puluh atau tiga puluh orang pemuda-pemudi yang paling cemerlang yang telah menunjukkan kelebihan dan kepandaian mereka dalam bidang-bidang yang tertentu, umpamanya di bidang sains, teknologi, pelajaran, ekonomi dan lainnya supaya dari sana kita boleh melatih, dengan izin, second line leadership untuk membimbing negara kita.

Kita jangan mengikuti apa yang negara-negara jiran kita sudah buat tetapi di Malaysia sendiri boleh mengadakan satu dasar untuk mengeluarkan pemimpin-pemimpin belia yang cemerlang supaya mereka boleh diberikan peluang untuk dijadikan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negara untuk memimpin negara kita supaya kita bersiap untuk second line leadership yang boleh menjaga kepentingan negara kita.

Saya harap Kementerian Kebudayaan ini bolehlah mengubahsuaikan dasarnya, jangan hanya mengadakan latihan, walaupun memang mustahak dan saya tidak menafikan latihan di Dusun Tua dan berbagai latihan diadakan untuk belia-belie, tetapi masih tidak boleh menggalakkan dan memerangsang belia-belie di negara ini untuk bersaing antara satu sama lain untuk menunjukkan

kepandaian mereka atau kebolehan mereka di bidang-bidang yang tertentu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memoeri satu jawapan adakah dasar ni atau sistem ini akan diwujudkan untuk melatih dan mengeluarkan belia yang paling cemerlang di negara kita supaya Malaysia ada memberi peluang siapa yang paling sesuai, cemerlang dan berkecayaan untuk memimpin negara kita.

Tuan Pengerusi, point yang kedua saya akan sentuh ialah Program (4) iaitu Program Sukan. Tidak boleh dinafikan bahawa standard sukan Malaysia sudah merosot setahun demi setahun dan tentu ada beberapa faktor. Salah satu faktor sudah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, tetapi saya fikir sudah sampai masanya Kementerian Kebudayaan untuk mempertimbangkan adakah sudah sampai masanya bagi negara kita untuk mengadakan satu akta sukan. Akta ini ialah untuk memberikan satu perlindungan, galakan dan jaminan kepada ahli sukan negara kita, baik di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa supaya mereka boleh diberi satu perlindungan kehidupan mereka, baik perseorangan atau keluarga mereka. Dalam akta sukan ini boleh diwujudkan beberapa peraturan iaitu seseorang pemain jika sudah berkhidmat dengan negara Malaysia baik di peringkat kebangsaan atau antarabangsa sampai 10 tahun, mereka layak mendapat pencen apabila mereka sampai umur tertentu dan juga mereka akan diberi gratuity apabila mereka telah berkhidmat umpamanya 10 tahun atau 15 tahun. Saya yakin akta sukan ini kalau boleh diwujudkan atau diadakan tentulah ianya akan merupakan satu cara yang saya fikir berkesan dan positif untuk menggalakkan belia dan pemain-pemain lebih berdedikasi untuk berkhidmat dengan negara kita.

Saya tidak mahu melihat lagi bahawa sebahagian besar ahli sukan negara kita apabila sampai masa mereka bersara, nasib mereka sangat menderita dan sangat sedih kalau dilihat negara tidak memberikan satu layanan yang sewajarnya terhadap mereka sedangkan mereka berkhidmat melebihi 10 tahun atau 20 tahun tanpa diberi apa-apa layanan yang sewajarnya dari segi kehidupan untuk menjamin kebajikan kehidupan mereka pada masa akan datang. Dalam masa perkhidmatan mereka apabila mereka

ada bekerja atau yang tidak bekerja, saya harap Kerajaan boleh bertindak untuk menggaji mereka sebagai kakitangan Kerajaan. Kalau mereka bekerja dengan sektor swasta dengan gaji tidak memuaskan atau tidak dapat menanggung perbelanjaan keluarga mereka, maka bagaimanakah negara kita hendak meminta dan mendesak pemain-pemain tersebut untuk berdedikasi dan memberikan masa dan tenaga sepenuhnya atas permainan mereka mewakili Kerajaan atau mewakili negara kita bertanding dalam sukan antarabangsa?

Saya yakin dan saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bolehlah mencari satu jalan dan melalui satu Rang Undang-undang atau akta sukan atau satu skim yang baru di mana pemain-pemain sudah berkorban bertahun-tahun bolehlah diberikan satu jaminan kehidupan baik melalui skim pencen atau gratuity atau satu ganjaran yang sewajarnya diberikan kepada mereka. Dan juga saya harap Kerajaan boleh berinisiatif untuk mengaji mereka yang tidak ada satu pekerjaan yang memuaskan bolehlah dijadikan sebagai seorang kakitangan Kerajaan supaya mereka boleh mengkorbankan masa dan tenaga mereka sepenuhnya untuk negara kita. Cara ini akan mempertingkatkan standard permainan Malaysia dengan kemudahan dan kelengkapan serta beberapa faktor yang mustahak ini. Saya harap boleh dipertimbangkan dan saya tidak akan ulangi di mana sudah disebutkan oleh rakan saya tadi.

Tuan Pengerusi akhirnya saya hendak sentuh ialah Program 2—Program Kebudayaan, juga halaman 232. Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dan tidak dapat menerima langsung pandangan yang diberikan oleh ahli dari Pantii tadi dan juga pandangan yang diberikan oleh ahli dari Pasir Putih semalam dalam soal jawab. Pertamanya saya hendak mempersoalkan ahli dari Pantii, apakah pengertian, apakah definasi kebudayaan Melayu? Adakah kebudayaan Melayu merupakan satu kebudayaan tulen atau seratus peratus pure dan tidak ada campur-aduk dengan kebudayaan yang lain. Memang saya tidak akan mengulangi apa yang saya sudah sebut di sini, sungguhpun saya bukan seorang sasterawan, sejarahwan atau budayawan tetapi dari segi pengalaman saya pengkajian saya, kita tidak boleh menafikan bahawa kebudayaan Melayu sudah ada berunsur

kebudayaan-kebudayaan Tionghua, India, Bugis, Belanda, British dan lain-lain. Sebab itu kebudayaan Melayu hanya pada nama sahaja bukan pada isi kandungannya adalah merupakan satu kebudayaan Melayu yang tulin yang tidak ada dipengaruhi dan dicampur aduk oleh kebudayaan dunia hari ini. Kalau kita hendak mewujudkan sebuah kebudayaan nasional atau kebudayaan Malaysia bolehkah kita mengadakan satu formula *a-b-c* maka keluarlah kebudayaan nasional. Itu tidak akan jadi.

Di dunia ini sejak beribu-ribu tahun sehingga hari ini tidak ada satu kebudayaan bangsa, mana-mana satu negarapun boleh dicipta dan dikeluarkan melalui satu formula yang mengatakan kebudayaan nasional perlu berteraskan kebudayaan Melayu. Ini adalah salah. Saya katakan salah bukan kerana saya hendak cabar dasar kebudayaan nasional, tetapi salah kerana kebudayaan nasional, kebudayaan rakyat hanya boleh dilahirkan melalui satu pergaulan, dan aliran dan kebebasan di antara kaum-kaum yang ada di Malaysia.

Pada pandangan saya konsep kebudayaan nasional ini ialah terdiri daripada kebudayaan kaum-kaum yang ada di Malaysia baik Iban, Kadazan, Melayu, Jakun, Cina, India, Serani, dan lain-lain semuanya asalkan mereka adalah merupakan satu kaum, sebahagian kaum, suku-suku kaum di Malaysia, maka kebudayaan mereka adalah kebudayaan nasional atau kebudayaan Malaysia. Saya tidak menyokong umpamanya kalau ada masyarakat Cina kata kebudayaan nasional perlu berteraskan kebudayaan Cina, sayapun tentang kerana ini bukanlah kebudayaan nasional, kebudayaan rakyat ataupun kebudayaan Malaysia. Saya tidak tahu apakah sebabnya perkara ini ditimbul-timbulkan dan dipersoal-soalkan. Bolehkah kita menafikan, umpamanya, kebudayaan India, kebudayaan Tionghua yang boleh hidup terus menerus beribu-ribu tahun sehingga hari ini masih ada di dunia ini, tentu ada nilai kebudayaan Tionghua India atau Melayu di masyarakat kita malah boleh ditolak seperti kata ahli dari Pasir Putih, dia kata kebudayaan Melayu adalah kebudayaan nasional dan lain-lain kebudayaan dari rakyat kaum lain tidak boleh diterima sebagai kebudayaan nasional. Saya tidak tahu di mana lojiknya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya harap Kerajaan dan masyarakat, baik Melayu, Cina, India dan lain-lain boleh mempunyai satu konsep yang rasional, mempunyai satu konsep Malaysian—Malaysia yang boleh bersemangat kesedaran kebangsaan bahawa kebudayaan nasional, kebudayaan rakyat dan kebudayaan Malaysia adalah terdiri daripada kebudayaan kaum-kaum yang ada di Malaysia, tidak boleh dihadkan melalui satu formula seperti mana yang dikatakan oleh ahli dari Panti dan Pasir Putih. Itu tidak boleh diterima.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Chan Teck Chan:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.19 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Pengerusi, di dalam menyokong Perbekalan B. 28 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, saya ingin menyentuh di bawah butiran 1100, muka 232, program 3.

Tuan Pengerusi, saya begitu rasa kurang jelas sehingga hari ini sungguhpun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini beberapa Menteri telahpun mengambil alih Kementerian ini, tetapi apa yang saya ingin tahu apakah program belia negara yang sebenarnya. Maksud saya apakah satu dasar belia negara yang sebenarnya yang kita perlukan bagi kesesuaian di negara kita dan bagi kesesuaian pembangunan masyarakat di negara kita ini bukan sahaja untuk jangka pendek tetapi untuk jangka masa panjang. Sungguhpun saya tidak menafikan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan banyak pegawai-pegawai yang ditugaskan dan banyak idea-idea baru yang telah dikeluarkan di dalam penyusunan strategi belia negara dan di dalam penyusunan program-program untuk belia. Tetapi yang jelas sekarang ini sungguhpun kita tidak menafikan bahawa apabila satu resepi untuk menyediakan satu kuih, maka sudah tentulah hasil yang akan dapat ialah kuih yang berdasarkan resepi yang diatur. Maksud saya ini ialah apakah kuih yang akan keluar itu daripada satu acuan yang begitu dikehendaki ataupun hanya kuih

yang akan keluar merupakan satu kuih tetapi tidak menentukan satu acuan yang kita kehendaki. Jadi dalam penekanan ini, saya ingin sangat mendapat penjelasan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas strategi belia negara yang begitu jelas dan begitu menjamin kepada pembangunan masyarakat masa depan.

Sekarang ini di dalam keadaan belia di negara kita ini, kita terdapat program-program penggalakan penubuhan persatuan-persatuan belia dan kita terdapat juga program-program membangunkan belia itu sendiri. Tetapi yang sebenarnya di dalam belia yang ada di dalam negara kita ini adalah terdiri daripada berbagai-bagai kategori ataupun sekurang-kurangnya ada tiga kategori yang besar.

Yang pertamanya, belia-belia yang mempunyai cukup pengetahuan ataupun pelajaran dan pekerjaan.

Yang keduanya, belia-belia yang mempunyai pelajaran tetapi masih belum ada pekerjaan, tetapi mempunyai potensi untuk berkecimpung sama ada di dalam bidang peluang pekerjaan ataupun di dalam pekerjaan bersendirian menerusi perancangan-perancangan yang ada di dalam program belia seperti Belia Peladang atau Belia Niaga.

Yang ketiganya, kategori di antara golongan belia-belia yang tidak kesampaian pengetahuan pelajarannya yang mana kadang-kadang apa sahaja yang diumumkan oleh Kementerian, oleh Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Baru, di dalam Program Belia Peladang, Belia Niaga dan sebagainya. Mereka ini hanya menjadi kalau ditunjukkan menerusi televisyen merupakan sebagai penonton, kalau menerusi radio sebagai pendengar, kalau diceramahkan hanya mengiakan, tetapi tidak tahu apa benda dan bagaimana hendak buat. Inilah yang saya rasa amat penting sekali kepada Kementerian ini membuat satu pengkajian yang khusus menyelesaikan masalah ini. Sungguhpun sekarang ini saya tidak nafi bahawa program-program yang ada sepatutnya semua orang memberi tahniah kepada Kementerian dan pegawai-pegawai yang telah bersusah payah memikir siang dan malam merencanakan itu dan ini. Walau bagaimanapun apa yang dirancangan sekarang ini masih lagi dalam peringkat yang jauh untuk mencapai apa

yang saya katakan tadi, iaitu untuk menyusun satu strategi yang betul-betul dapat memberikan satu kesimpulan kepada matlamat belia negara yang menyeluruh.

Ini yang menjadi persoalan dan apa yang menjadi kebimbangan saya sekiranya ketinggalan kepada kumpulan-kumpulan yang tidak mencukupi kemampuan, tidak mendapat peluang dan tidak begitu faham untuk menyertai perancangan dan peluang yang ada. Kemungkinan inilah generasi-generasi yang akan menjadi orang-orang yang terpengaruh dengan dadah, terpengaruh dengan kegiatan-kegiatan anasir yang tidak baik dan berbagai-bagai keadaan yang boleh berlaku. Kalau sekiranya ini yang berlaku adalah amat kesal bagi kita kerana misalnya dalam satu kampung ada seorang sahaja pun pencuri semua orang tidak senang boleh tinggal dalam kampung itu, sedangkan cuma hanya seorang sahaja dan bukan banyak, kalau banyak lagi susah. Begitu juga dalam masyarakat hari ini kalau sekiranya terdapat walaupun sebilangan kecil misalnya kita katakan satu pertiga sahaja dalam kalangan ini, tetapi kalangan-kalangan ini akan terbiar kemungkinan ini akan menjadi satu gejala yang merosakan pembangunan masyarakat bangsa kita ataupun akan merosakan beberapa pandangan masa depan bagi negara kita bagi keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, jadi dalam pembangunan dan program untuk belia-belia ini saya dapati banyak juga program-program yang dirancang, yang memberi manafaat kepada kalangan belia-belia, tetapi seperti yang saya katakan tadi masih banyak lagi kalangan-kalangan yang kurang memahami apa lagi untuk menyertai program-program ini secara langsung. Misalnya kita katakan bahawa untuk membawa belia-belia ini ke program yang kita atur, kita hanya menggalakkan menerusi pertubuhan-pertubuhan belia yang ada di negara kita, tetapi yang jelasnya berapa peratus sahaja yang mengikuti pertubuhan-pertubuhan belia ini?

Saya sebagai Wakil Rakyat daripada kawasan luar bandar saya dapati banyak pertubuhan-pertubuhan belia sama ada Belia 4B, MAYC dan berbagai-bagai pertubuhan belia yang ada di negara kita yang kebanyakannya dapat bergerak dengan aktif hanya pertubuhan-pertubuhan belia yang terdiri daripada banyak ahli-ahli ataupun pemimpin-

pemimpinnya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pekerjaan tetap, di mana orang-orang ini adalah terdiri daripada kalangan-kalangan yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi ataupun mempunyai hubungan, pergaulan dan pengalaman yang mencukupi yang mana mereka bergiat dalam belia ini hanya untuk sebagai hobby, kegiatan dalam belia ini sebagai hobby kegiatan sosial. Tetapi matlamat bagi kita yang sebenarnya ialah untuk membangun belia ini sendiri, dan apa yang menjadi masalahnya ialah kebanyakan pertubuhan-pertubuhan atau persatuan belia di luar bandar kemungkinan terdapatnya pemimpin-pemimpin yang diasaskan pertubuhan itu iaitu terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan pelajaran. Apabila mereka ini dapat pekerjaan meninggalkan pertubuhan belia itu tanpa mempunyai siapa pula yang akan menggantikan pemimpin persatuan-persatuan sebegini. Apa yang menjadi masalah kita dapati di dalam pergerakan belia ini, pihak Kementerian telah mengadakan pegawai-pegawainya di tiap-tiap daerah bagi membantu persatuan-persatuan ini mengerakkan persatuan-persatuan belia. Tetapi sayangnya pegawai-pegawai yang ada sekarang ini tidak mencukupi; saya harap Kementerian patut mengambil perhatian dan mengadakan pegawai-pegawai untuk pembangunan belia ataupun pergerakan belia ini mencukupi, misalnya bagi kawasan saya sendiri setelah beberapa tahun dalam dua daerah ada satu pegawai yang tinggal hampir 30 tahun daripada sempadan daerah yang dia

kawal. Kadang-kadang ditanya di daerah Yan jawabannya bertugas di daerah Kuala Muda, telefon daerah Kuala Muda kata datang ke daerah Yan. Bukan soalnya pegawai ponteng bekerja, tetapi dia terpaksa memburu ke sana ke sini dan pegawai yang ada itu pula ialah pegawai yang serbaguna, dialah Belia Peladang, dialah hendak memberi ceramah kursus, dialah hendak hadir Mesyuarat Tindakan Daerah, dialah juga hendak memberikan latihan itu ini kepada belia. Jadi sudah tentu tidak dapat dilaksanakan dengan baik, bila tidak dapat dilaksanakan bererti dengan sendirinya persatuan-persatuan belia terbiar begitu sahaja tanpa dapat diikuti oleh pegawai ini membimbing dan memberi tunjukajar kepada organisasi ini dapat berjalan dan merancangkan sesuatu program yang akan memberi faedah kepada persatuan belia.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Apabila Dewan ini bersidang lagi pada minggu hadapan, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang akan saya beri peluang bercakap, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 24hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*